



“HUTAN INI NYAWA KAMI”

**PERJUANGAN MEMBELA HAK TANAH PENDUDUK
ORANG ASLI/BUMIPUTERA DI MALAYSIA**

Amnesty International adalah sebuah gerakan antarabangsa yang terdiri daripada 7 juta lebih orang yang berkempen untuk sebuah dunia di mana hak asasi manusia boleh dinikmati oleh semua.

Visi kami adalah untuk memastikan hak-hak yang termaktub di dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan piawaian hak asasi manusia di peringkat antarabangsa lain dapat dinikmati oleh semua orang.

Kami bebas daripada apa-apa pengaruh kerajaan, ideologi politik, kepentingan ekonomi atau agama dan kami dibiayai sepenuhnya oleh ahli-ahli kami dan sumbangan orang ramai.

© Amnesty International 201

Kecuali dinyatakan sebaliknya, kandungan dalam dokumen ini dilesenkan di bawah lesen Creative Commons (atribusi, bukan komersial, tiada terbitan, antarabangsa 4.0).

<https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/legalcode>

Untuk maklumat lanjut sila layari halaman keizinan di laman web kami: www.amnesty.org

Di mana bahan dikaitkan dengan pemilik hak cipta selain daripada Amnesty International, bahan ini tidak tertakluk kepada lesen Creative Commons.

Pertama kali diterbitkan pada 2018

oleh Amnesty International Ltd

Peter Benenson House, 1 Easton Street

London WC1X 0DW, UK

Indeks: ASA 28/9424/2018

Bahasa Asal: Bahasa Inggeris

amnesty.org



Foto depan: Sebatang paip menghalang akses ke sebuah tanah yang dipertikaikan di pinggir bandar Miri, Sarawak, Julai 2017 © Amnesty International

**AMNESTY
INTERNATIONAL** 

KANDUNGAN

PETA

1. RINGKASAN EKSEKUTIF	6
2. METODOLOGI	9
3. LATAR BELAKANG	11
3.1 PENDUDUK ORANG ASLI/ASAL DI MALAYSIA	11
3.2 PEMILIKAN TANAH	12
3.3 PENYERTAAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN	14
3.4 PELUANG-PELUANG YANG TERLEPAS	14
3.5 BEBAS DARI KEBIASAAN LAMA	15
4. RANGKA KERJA PERUNDANGAN	16
4.1 PEMBELA HAK ASASI MANUSIA	16
4.2 HAK PENDUDUK ORANG ASLI/ASAL	18
5. TINDAKAN KEGANASAN DAN GANGGUAN	24
5.1 SARAWAK	24
5.2 MEREKA YANG DIGAMBARKAN SEBAGAI 'SAMSENG'	25
5.3 SERANGAN FIZIKAL	25
5.4 PEMBUNUHAN	30
5.5 AKAUNTABILITI	32
6. PENANGKAPAN DAN PENYIASATAN	34
6.1 PENANGKAPAN	34
6.2 PENYIASATAN	40
7. ANCAMAN DAN INTIMIDASI	41
7.1 KETUA KAMPUNG	41
7.2 AKTIVIS DAN PEGUAM	43
7.3 KOMUNITI	45

8. HALANGAN KEPADA KEADILAN	47
8.1 KEKANGAN PERUNDANGAN DALAM TUNTUTAN TANAH PUSAKA	47
8.2 TIADA SIASATAN ATAU TIDAK MENCUKUPI	50
8.3 KURANG PERSETUJUAN BEBAS DAN TERMAKLUM	51
8.4 RISIKO DAN ANCAMAN TINDAKBALAS	52
9. KESIMPULAN DAN CADANGAN	53
9.1 UNTUK PIHAK BERKUASA MALAYSIA	53
9.2 UNTUK SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (SUHAKAM)	55
9.3 UNTUK PELBAGAI SYARIKAT YANG BEROPERASI DI MALAYSIA	55
9.4 UNTUK PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DAN KERAJAAN-KERAJAAN YANG TERLIBAT DALAM KERJASAMA DUA HALA DENGAN KERAJAAN MALAYSIA	55

MALAYSIA



“HUTAN IADALAH NYAWA KAMI”
PERJUANGAN MEMBELA HAK TANAH PENDUDUK ORANG ASLI/BUMIPUTERA DI MALAYSIA
Amnesty International

1. RINGKASAN EKSEKUTIF

Walaupun risikonya besar, penduduk Orang Asli/Asal terus lantang bersuara. Mereka terus mempertahankan cara hidup mereka, komuniti mereka, serta tanah dan hutan yang diperlukan oleh manusia sejagat.”

Victoria Tauli-Corpuz, Pelapor Khas PBB mengenai Hak-hak penduduk Orang Asli/Asal, Ogos 2018

Di seluruh Malaysia, pembangunan tanah secara meluas menjejaskan penduduk Orang Asli/Asal dan menimbulkan ancaman kepada hak tanah pusaka, cara hidup tradisi dan pelbagai aspek hak asasi manusia. Penduduk Orang Asli/Asal Malaysia terdiri daripada lebih 67 kumpulan etnik yang membentuk 14% daripada penduduk negara. Mereka tinggal di hampir setiap negeri dan wilayah di dalam Persekutuan Malaysia, dan diberi pengiktirafan istimewa dalam perlembagaan negara. Walaupun demikian, mereka terus menderita akibat tahap kemiskinan yang tidak seimbang dan pengecualian sosial yang berterusan, sebahagiannya disebabkan tiada pengiktirafan rasmi terhadap hak tanah mereka, kekurangan perundangan dan persetujuan bebas serta makluman awal tentang usul-usul untuk mengekspropriasi tanah mereka.

Laporan ini menunjukkan tahap risiko yang dihadapi oleh komuniti Orang Asli/Asal di Malaysia yang menuntut hak tanah mereka dan juga penyokong mereka dari konteks pembangunan dan kegagalan negara untuk melindungi pembela hak asasi manusia daripada ancaman, intimidasi dan tindakan keganasan.

Penduduk Orang Asli/Asal dan pembela hak tanah Orang Asli/Bumiputera kekal di barisan hadapan dalam usaha pemuliharaan hutan untuk memelihara sebuah ekosistem berharga, aset penting kepada negara yang berisiko lenyap sama seperti budaya mereka. Dengan ketiadaan perlindungan daripada kerajaan, pembela hak tanah Orang Asli/Bumiputera terdedah kepada pergelutan yang semakin sengit di mana pilihan mereka adalah sama ada untuk akur kepada pengambilan tanah mereka atau membantahnya, mengambil tindakan undang-undang dan sebaik sahaja kerja-kerja pembangunan dimulakan, cuba menyekat ekspropriasi dan kemusnahan tanah mereka. Dalam usaha mereka untuk mempertahankan, melindungi dan mempromosi hak tanah penduduk Orang Asli/Asal, pembela hak asasi manusia ini berhadapan dengan gangguan, ugutan, penangkapan, dan juga kematian. Ini didorong oleh pengecualian daripada hukuman dan keengganan mempertanggungjawabkan pihak-pihak terlibat berhubung pencabulan hak dan perbuatan jenayah yang dilakukan terhadap mereka. Laporan ini mendokumentasikan bagaimana secara sistematik pembela hak tanah penduduk Orang Asli/Asal dinafikan hak keadilan yang sewajarnya dan juga akses kepada tindakan remedi apabila hak mereka dicabuli.

“Orang luar ingin mengubah cara hidup kami,” seorang pemimpin komuniti dari Pos Piah, Perak memberitahu Amnesty International. “Inilah budaya dan agama kami, dan cara kami menyembuhkan orang sakit mengikut cara kami. Hutan adalah nyawa kami.”

Laporan ini secara asasnya adalah berdasarkan kajian lapangan yang dilakukan semasa lawatan Amnesty International ke Malaysia pada bulan Julai dan Ogos 2017 dan Januari 2018, dan kajian lanjut jarak jauh yang dilaksanakan pada bulan Ogos dan September 2018. Ketika itu, Amnesty International telah

menemubual 86 orang penduduk Orang Asli/Asal, termasuk ketua kampung, aktivis tempatan, ahli organisasi masyarakat sivil, peguam, ahli akademik dan wartawan.

Amnesty International bertemu dengan wakil-wakil dari Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan (SUHAKAM) dan Organisasi Bukan Kerajaan yang menyokong hak Orang Asli/Asal. Laporan ini juga mengambil ulasan penerbitan akademik dan lain-lain mengenai isu ini, serta laporan media yang berkaitan dengan hak tanah penduduk Orang Asli/Asal di Malaysia. Penyelidikan telah dijalankan secara meluas ke seluruh Malaysia, merangkumi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Amnesty International telah menemubual 17 pembela hak tanah di Sarawak yang menyatakan bahawa, sama seperti di kawasan-kawasan lain dalam negara, penduduk Orang Asal menghadapi intimidasi dan ancaman daripada individu-individu persendirian yang digambarkan sebagai samseng. Pada 21 Jun 2016, kes simbolik, Bill Kayong, seorang aktivis yang bekerja dengan rangkaian akar umbi yang menggerakkan komuniti sekiranya berlaku pertikaian, telah ditembak mati ketika sedang menunggu di lampu isyarat di Miri. Bill adalah seorang penyokong hak tanah penduduk Orang Asal yang bersuara lantang, khususnya untuk sebuah komuniti Dayak di Bekelit kira-kira dua jam dari Miri. Bill gigih berusaha menuntut hak ke atas tanah-tanah yang dianggap sebagai tanah pusaka oleh komuniti tersebut. *"Bill adalah seorang yang benar-benar mempunyai kesedaran sosial, dan setiap kali ada yang memerlukan bantuan, beliau sentiasa bersedia membantu mereka dengan segera. Beliau adalah seorang yang sangat berani dan sering mengutamakan keselamatan diri orang lain terlebih dahulu sebelum keselamatannya sendiri,"* seorang saudara kepada Bill memberitahu Amnesty International.

Kematian Bill adalah satu-satunya kes yang didokumenkan oleh Amnesty International di mana seorang individu yang termasuk dalam kumpulan orang yang digelar 'samseng' oleh penduduk Orang Asal dan rakan-rakan pembela dipertanggungjawabkan atas ancaman, intimidasi dan keganasan yang dilakukan terhadap penduduk Orang Asal yang mempertahankan hak ke atas tanah mereka. Lelaki tersebut yang dipercayai telah menembaknya adalah satu-satunya individu yang telah dibicarakan secara wajar sedangkan orang yang dipercayai telah mengarahkan pembunuhan tersebut masih berleluasa.

Temu bual Amnesty International mendedahkan bahawa ketua kampung, aktivis, dan wartawan telah berhadapan dengan ancaman penangkapan dan siasatan oleh pihak polis berikutan kegiatan mereka mempertahankan hak tanah penduduk Orang Asal secara aman. Penangkapan dan penyiasatan sedemikian berlaku di seluruh negara dan bertujuan untuk mendiamkan dan menakut-nakutkan komuniti dan pembela hak asasi manusia. Walaupun terdapat hanya beberapa orang di antara yang ditemubual oleh Amnesty International telah didakwa secara rasmi, sekurang-kurangnya 20 orang pernah berada dalam tahanan polis, yang telah ditahan beberapa kali, atau diiringi ke balai polis untuk disoal siasat berhubung peranan mereka dalam kegiatan-kegiatan protes.

Pihak berkuasa negeri telah merobohkan halangan-halangan yang dipasang di Gua Musang oleh penduduk Orang Asli untuk melindungi tanah mereka. Para aktivis dan peguam mengatakan bahawa akibat daripada itu komuniti Orang Asli yang mempertahankan hak tanah mereka telah menghadapi ancaman dan tindakan keganasan. Setiap kali halangan-halangan yang dipasang dirobuhkan, komuniti membinanya semula demi menjaga hak tanah mereka daripada dicabuli. Pada masa laporan ini diterbitkan, pertikaian tersebut masih berterusan. Undang-undang hak asasi antarabangsa menetapkan bahawa satu-satu kerajaan itu perlu terlebih dahulu mendapatkan persetujuan penduduk Orang Asli/Asal secara kolektif, menggunakan struktur penyelesaian pilihan mereka untuk apa jua projek yang dirancang di atas tanah mereka.

Amnesty International telah mendokumenkan kes bagi cabaran-cabaran yang telah dihadapi oleh para pembela, termasuklah pemecatan mereka daripada peranan sebagai wakil dalam komuniti, sekatan terhadap pergerakan mereka, dan juga ancaman terhadap hak kebebasan mereka untuk bersuara secara aman. Pelbagai individu yang ditemubual oleh Amnesty International yang bukan ahli komuniti Orang Asli/Asal menceritakan bagaimana mereka ditakut-takutkan kerana bekerja sebagai aktivis atau peguam dan dilabel sebagai 'penghasut'.

Kerajaan Malaysia gagal menyiasat pencabulan hak asasi manusia terhadap pembela secara berkesan. Sekiranya berlaku serangan, ancaman atau pencerobohan, beberapa saksi memberitahu Amnesty International bahawa pihak polis kurang mengambil berat laporan yang dibuat oleh pembela penduduk Orang Asli/Asal dan lain-lain yang terlibat. Tingkah laku sesetengah pihak bukan kerajaan terhadap penduduk Orang Asli/Asal yang mempertahankan hak tanah mereka menimbulkan cabaran lebih besar.

Ditegaskan bahawa kerajaan perlu bertanggungjawab ke atas mereka yang mengancam pihak pembela dan segera memberi perlindungan kepada mereka yang terancam.

Hampir semua pembela yang bercakap dengan Amnesty International menekankan kurangnya persetujuan bebas, awal dan bermaklum untuk projek-projek pembangunan yang menjadikannya sukar, jika tidak mustahil, bagi masyarakat untuk menentang pembangunan sebaik dimulakan. Perkara-perkara negatif yang berlaku akibat mereka lantang bersuara mempertahankan hak tanah penduduk Orang Asli/Asal telah mewujudkan rasa ketakutan di kalangan komuniti dan aktivis. Ramai pembela yang bercakap dengan Amnesty International meminta identiti mereka dilindungi. Ada yang berasa takut untuk membuat laporan polis atau membangkitkan isu-isu yang berlaku dengan pegawai-pegawai tempatan. Biarpun terdapat pelbagai risiko dan cabaran, pembela hak tanah penduduk Orang Asli/Asal akan terus bersuara dan memastikan keterlibatan masyarakat Orang Asli/Asal dan sokongan terhadap usaha mereka untuk mempertahankan hak tanah mereka terus bertambah. Seorang aktivis Orang Asli dari Melikin, Sarawak memberitahu Amnesty International, *“Saya tidak akan berhenti mempertahankan hak tanah saya - kerana tanah ini adalah hutan yang kami harapkan untuk generasi masa hadapan - tanpa tanah, tiada kehidupan. Saya tidak takut, saya bersedia berjuang untuk tanah ini sepanjang hidup saya.”*

Sejak pelancaran siasatan rasmi ke atas tanah penduduk Orang Asli/Asal pada 2013, Amnesty International membuat kesimpulan bahawa kemajuan dari segi penambahbaikan perlindungan untuk penduduk Orang Asli/Asal di Malaysia terlalu sedikit dan pengiktirafan, penghormatan, keselamatan dan mekanisme perlindungan untuk kerja yang dilakukan oleh pembela tanah Orang Asli/Asal juga masih sangat diperlukan. Pada Mei 2018, Pakatan Harapan telah menggulingkan kuasa kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh mantan Perdana Menteri Najib Razak. Dalam manifesto mereka, Pakatan Harapan berjanji untuk melaksanakan pelbagai pembaharuan hak asasi manusia, termasuklah "mengiktiraf, menegak dan melindungi maruah dan hak" penduduk Orang Asli/Asal di Malaysia.

Untuk melindungi kerja pembela hak tanah penduduk Orang Asli/Asal, kerajaan Malaysia perlu memastikan bahawa mereka bebas daripada gangguan dan ancaman jenayah dengan menggunakan undang-undang represif; dan agar mereka dapat menjalankan tugas mereka yang penting dan sah di dalam persekitaran yang selamat.

Di samping itu, pihak berkuasa perlu memulakan siasatan dengan segera, teliti dan adil berhubung serangan, ancaman dan kecaman terhadap pembela yang bekerja untuk mempertahankan hak tanah penduduk Orang Asli/Asal. Jika terdapat bukti jenayah yang mencukupi, pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu dibawa ke muka pengadilan dan dibicarakan dengan adil, tanpa hukuman mati. Bantuan perundangan yang mencukupi dan bantuan kewangan yang diperlukan mesti disediakan untuk komuniti Orang Asli/Asal yang menggunakan mahkamah untuk mempertahankan hak tanah mereka dan para pegawai harus mengelak daripada menggunakan bahasa yang berstigma, kesat, merendahkan atau mendiskriminasi terhadap pembela hak asasi manusia, termasuk menggambarkan mereka sebagai: "penghasut", "anti-pembangunan", atau "penjenayah".

Secara umum, kerajaan mesti melaksanakan hak asasi manusia penduduk Orang Asli/Asal, termasuk hak ke atas tanah mereka dan melindungi warisan budaya mereka. Mekanisme, termasuklah sebuah Suruhanjaya Kebangsaan Hak Tanah Orang Asli/Asal hendaklah ditubuhkan untuk menangani perubahan sistemik jangka panjang yang diperlukan untuk melindungi pembela yang bekerja untuk mempertahankan hak tanah penduduk Orang Asli/Asal dan menamatkan kitaran penganiayaan terhadap Orang Asli/Asal.

Akhir sekali, kerajaan mesti membenarkan Pelapor Khas Hak Asasi PBB untuk membuat lawatan pencarian fakta ke Malaysia. Di samping itu, kerajaan mesti berunding dengan penduduk Orang Asli/Asal untuk menentukan modaliti untuk lawatan Pelapor Khas mengenai hak penduduk Orang Asli/Asal pada 2019.

Kerajaan baru ini harus mengambil peluang untuk menangani pencabulan sistemik terhadap penduduk Orang Asli/Asal dan untuk memastikan perlindungan dan penghormatan diberikan terhadap mereka yang membela hak tanah mereka. Peluang ini tidak harus dilepaskan. Masa depan penduduk Orang Asli/Asal dan hutan belantara di Malaysia bergantung padanya.

2. METODOLOGI

Laporan ini secara asasnya adalah berdasarkan penyelidikan lapangan yang dilakukan semasa lawatan Amnesty International ke Malaysia pada bulan Julai dan Ogos 2017 dan Januari 2018, dan kajian lanjutan jarak jauh yang dilaksanakan pada bulan Ogos dan September 2018. Ia memberi tumpuan kepada cabaran yang dihadapi oleh pembela tanah Orang Asli/Asal – para individu yang bekerja untuk memberi kesedaran, mempertahankan dan melindungi tanah Orang Asli/Asal bagi pihak individu atau kumpulan, tanpa tindakan keganasan, termasuk ketua, anggota komuniti Orang Asli/Asal, peguam, wartawan, ahli politik tempatan – sejak Inkuiri mendalam dilakukan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan Malaysia untuk hak tanah Orang Asli/Asal yang dijalankan dari 2010-2012, dan diterbitkan pada tahun 2013.¹

Kajian Amnesty International dilakukan di seluruh Malaysia, merangkumi negeri Selangor, Perak, Johor dan Kelantan di Semenanjung Malaysia, dan temu bual pula diadakan di Kota Kinabalu, Sabah, serta Miri dan Kuching di Sarawak. Secara keseluruhannya, delegasi Amnesty International menemubual 86 orang ahli masyarakat Orang Asli/Asal, ketua kampung, aktivis tempatan, anggota organisasi masyarakat sivil - termasuk penyokong hak Orang Asli/Asal, peguam, ahli akademik dan wartawan. Beberapa temu bual telah dijalankan dalam Bahasa Inggeris, manakala yang lain, termasuk kebanyakan daripada temu bual yang dilakukan dengan penduduk Orang Asli/Asli, telah dibuat dalam Bahasa Melayu atau bahasa tempatan, dengan terjemahan ke Bahasa Inggeris. Ada sesetengah yang ditemuramah telah meminta agar nama mereka dirahsiakan, kerana takut akan tindakan balas. Nama mereka dan apa-apa maklumat yang membolehkan mereka dikenal pasti tidak dimasukkan di dalam laporan ini. Ketika menemubual penduduk Orang Asli/Asal dari komuniti-komuniti terpencil, para delegasi membuat perjalanan ke kampung-kampung atau jika itu tidak dapat dilakukan, peserta temu bual pula akan membuat perjalanan ke lokasi pusat untuk bertemu dengan para delegasi.

Amnesty International juga bertemu dengan wakil-wakil dari Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan (SUHAKAM) dan Organisasi Bukan Kerajaan yang menyokong hak-hak masyarakat Orang Asli/Asal. Laporan ini membincangkan penerbitan akademik dan lain-lain mengenai isu ini, serta laporan media yang berkaitan dengan tanah Orang Asli/Asal di Malaysia.

Amnesty International memberi tumpuan kepada tindakan dan tanggungjawab Kerajaan Malaysia yang bertanggungjawab untuk memelihara dan menjamin hak. Laporan ini tidak akan menyebut tentang isu-isu berkenaan tanggungjawab syarikat-syarikat tertentu. Amnesty International ingin mengucapkan terima kasih kepada semua individu yang telah berinteraksi dengan organisasi ini, memberi keizinan untuk menggunakan testimoni mereka, dan menyumbang masa dan input mereka untuk penerbitan laporan ini.

¹ Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), Laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Penduduk Orang Asli/Asal, 2013

ISTILAH

Pada umumnya, Orang Asli adalah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada Orang Asli/Asal di Semenanjung Malaysia, sementara istilah yang digunakan di Sabah dan Sarawak adalah Orang Asal Sabah dan Orang Asal Sarawak. Namun, Amnesty International mengiktiraf hak orang ramai untuk mengenal pasti diri sendiri, dan penggunaan istilah ini sama sekali tidak boleh dianggap sebagai pengenaan nama pada mana-mana komuniti tertentu. Dalam laporan ini, Amnesty International merujuk pada penduduk Orang Asli/Asal Malaysia mengikut suku atau kelompok etnik tertentu untuk membezakan antara kelompok-kelompok tersebut secara tepat, apabila perlu.

Dalam laporan ini kami menggunakan istilah seperti pembela tanah Orang Asli/Bumiputera dan pembela hak asasi manusia tanah Orang Asli/Bumiputera untuk merangkumi kedua-dua penduduk Orang Asli/Asal dari komuniti yang berkenaan yang sedang berjuang untuk mendapatkan pengiktirafan tanah mereka sendiri, serta para individu yang bukan Orang Asli/Asal namun bekerjasama dengan Orang Asli/Asal dalam perjuangan mereka untuk melindungi tanah mereka.

3. LATAR BELAKANG

“Pelanggaran hak-hak penduduk Orang Asli/Asal terus berleluasa, dan sebab-sebab yang mendasarinya termasuklah diskriminasi yang meluas dan sistematik terhadap mereka, serta pengecualian mereka daripada membuat keputusan dan penyertaan efektif dalam hal-hal yang secara langsung memberi kesan kepada mereka.”

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)²

3.1 PENDUDUK ORANG ASLI/ASAL DI MALAYSIA

Orang Asli/Asal Malaysia berada di mana-mana di dalam empat belas buah negeri ini dan telah dikategorikan ke dalam tiga kumpulan iaitu Orang Asli Semenanjung Malaysia, Orang Asal Sabah dan Orang Asal Sarawak. Pada hakikatnya, mereka terdiri daripada lebih 100 kumpulan etnik dan sub-etnik yang pelbagai, kebanyakannya mempunyai ciri berbeza daripada satu sama lain. Walaupun penduduk Orang Asli hanya terdiri daripada 0.7% penduduk Semenanjung Malaysia, Orang Asal dari Sabah dan Sarawak masing-masing membentuk 60% dan 70% daripada penduduk di kedua-dua negeri tersebut.³ Penduduk Orang Asli/Asal terdiri daripada 14% jumlah penduduk negara.⁴ Penduduk Orang Asli/Asal Malaysia mempunyai ciri-ciri kebudayaan dan sejarah tersendiri, berbeza dengan segmen penduduk lain. Oleh itu, kerajaan dikehendaki memastikan persekitaran yang diperlukan wujud untuk mengembangkan cara hidup mereka yang unik. Walaupun sesetengah penduduk Orang Asli/Asal telah berhijrah ke kawasan bandar, sebahagian besarnya tinggal di kawasan luar bandar, dan biasanya di kawasan terpencil di negara ini.⁵ Banyak di antara komuniti-komuniti ini menjalani kehidupan perladangan sara hidup dan pertanian komersil.⁶ Walau bagaimanapun, selain daripada amalan pertanian, perburuan, penangkapan ikan, dan penanaman beralih, tanah juga membentuk asas kepercayaan rohani mereka dan terdapat tapak-tapak bersejarah yang diturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya.⁷ Oleh itu, identiti dan budaya masyarakat Orang Asli/Asal tetap berkaitan dengan tanah.

Seorang pemimpin Murut dari Sabah memberitahu Amnesty International: *“Mereka mengambil tanah kami untuk menanam kelapa sawit. Tanah yang mereka ambil itu adalah tempat kami memperoleh ubat-ubatan kami, di mana kami memburu, di situ juga terdapat sumber mata air masin, serta pokok buah-*

² Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (dalam ini disebut sebagai SUHAKAM), Laporan Tahunan 2016, 2017 ms.10

³ SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Penduduk Orang Asli/Asal (dalam ini disebut sebagai Laporan Inkuiri Nasional), 2013, ms.10

⁴ SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013, ms.5

⁵ SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013 ms.10

⁶ Lihat contoh, Central Intelligence Agency Library, World Factbook, Malaysia, www.cia.gov/library/publications/the-world-factbook/geos/my.html; SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asli/Bumiputera, 2013; ms.10; R Aiken, C Leigh, “Indigenous Land-Rights Issues in Malaysia”, The Geographical Review, Oktober 2011, ms.475

⁷ Lihat contoh, R Aiken, C Leigh, “Seeking Redress in the Courts: Indigenous Land Rights and Judicial Decisions in Malaysia,” Modern Asian Studies, Vol 45, No 4, Julai 2011, p. 826; SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013, ms. 173

buah. Kami memburu untuk sumber daging kami, kami juga menangkap ikan di sana. Kami tidak memelihara kerbau. Itulah sebabnya kami tidak akan melepaskan tanah kami. Tanah tinggalan nenek moyang kami, warisan kami. Kami adalah penjaganya sekarang.”⁸

Hasil kajian menunjukkan bahawa di seluruh dunia, masyarakat Orang Asli/Asal memberi sumbangan penting kepada pemuliharaan hutan, mitigasi perubahan iklim, memelihara ekosistem berharga yang berisiko lenyap bersama dengan budaya mereka.⁹ Walaupun ramai penduduk Orang Asli/Asal sudah mengamalkan aspek-aspek kehidupan kontemporari, ramai juga yang masih mengekalkan amalan dan adat tradisi, [dan] ada juga yang mengamalnya setiap hari. Orang Asli/Asal turut menceritakan kepada Amnesty International tentang undang-undang dan kelaziman mereka yang bertulis dan tidak bertulis, yang dikenali sebagai 'adat' yang mengawal penggunaan tanah, sumber daya dan tadbir komuniti,¹⁰ sementara yang lain merujuk kepada tanah sebagai suci, ditadbir oleh Pencipta atau dipelihara oleh makhluk Ilahi. Satu contoh ialah komuniti Temiar di Perak, yang merujuk kepada Puteri Gunung sebagai penjaga hutan nenek moyang mereka.¹¹ Amalan memburu sering berdasarkan teknik tradisi dan memerlukan ahli komuniti untuk mematuhi peraturan tertentu untuk memastikan kelangsungan hutan dan sumbernya.

“Kami hidup secara tradisional, dan mengamalkan pengetahuan tradisional kami, menjalankan pertanian, memburu dan menangkap ikan mengikut pengetahuan tradisional. Nenek moyang kami mewariskan hutan mereka kepada kami, termasuklah pengetahuan tentang ubat-ubatan herba, pokok-pokok, dan juga sebahagian besar hasil hutan yang kami pungut. Kehidupan kami bergantung kepada sumber-sumber ini,”¹² jelas seorang pemimpin Orang Asal Sabah.

3.2 PEMILIKAN TANAH

Sejak kemerdekaan Malaysia pada tahun 1957, penduduk Orang Asli/Asal di Malaysia sering terjejas, sedangkan mereka seharusnya menerima manfaat daripada model pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan.¹³ Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dan menguntungkan dalam dua dekad yang lalu sebahagiannya disebabkan oleh eksploitasi sumber alam semula jadi Malaysia, termasuklah daripada pembalakan, pembangunan tanah, ladang kelapa sawit dan ladang getah, serta pembinaan empangan.¹⁴ Walaupun pembangunan telah membawa keuntungan kepada ramai rakyat Malaysia, penduduk orang Asli/Asal sering menghadapi masalah pencerobohan tanah kerana projek-projek pembangunan menghalang mereka daripada memanfaatkan sumber tradisional mereka dan meningkatkan risiko kemiskinan dan peminggiran yang lebih lagi terhadap mereka.¹⁵ Dalam kes-kes yang paling teruk, mereka telah dipindahkan dari tanah mereka, dipaksa keluar daripada rumah mereka, dan sumber semula jadi yang menjadi hak mereka mengalami penyusutan dan degradasi.

Kurangnya pengiktirafan dan pelaksanaan hak tanah Orang Asli/Bumiputera dari segi undang-undang, dasar dan amalan adalah sebab utama ini berlaku. Walaupun Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukkan hak kepada harta benda dan pengiktirafan terhadap hak tanah Orang Asli/Bumiputera, terdapat kekurangan di dalam merealisasikan peruntukan-peruntukan ini. Perkara 161(A) membenarkan peruntukan undang-undang negeri untuk 'perizaban tanah... atau bagi pemberimilikan' kepada penduduk Orang Asli negeri Sabah dan Sarawak, atau 'bagi memberikan layanan keutamaan kepada mereka berkenaan dengan pemberimilikan tanah oleh kerajaan.' Hak tanah Orang Asli Semenanjung Malaysia pula kurang diberi perlindungan, walaupun Perkara 8 (5)(c) dalam Perlembagaan Malaysia memperuntukkan undang-undang

⁸ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

⁹ Lihat contoh, WCS Newsroom, "New Analysis Says Indigenous Peoples Living in Intact Forests Are Key to Climate Fight", 11 September 2018; The Guardian, "Indigenous rights are key to preserving forests, climate change study finds", 2 November 2016

¹⁰ Temu bual dengan Amnesty International, Sabah, 26 Julai 2017. Lihat contoh, SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013, ms.11; R Aiken, C Leigh, "Seeking Redress in the Courts: Indigenous Land Rights and Judicial Decisions in Malaysia," *Modern Asian Studies*, Vol 45, No 4, Julai 2011, ms. 872

¹¹ Temu bual dengan Amnesty International, Perak, 4 Januari 2018. Lihat juga contoh, SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013 ms. 30

¹² Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

¹³ Lihat contoh, SUHAKAM, Laporan untuk Penyiasatan Negara, 2013, ms.vi-vii, 168

¹⁴ Lihat contoh, "Seeking Redress in the Courts: Indigenous Land Rights and Judicial Decisions in Malaysia," *Modern Asian Studies*, Vol 45, No 4, Julai 2011, ms. 839; SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013, ms.5

¹⁵ Laporan kepada Suruhanjaya mengenai Hak Asasi Manusia, Pelapor Khas mengenai Hak untuk Mendapat Makanan, Dokumen PBB. A/HRC/25/57/Add.2, para. 64- 67

untuk digubal oleh kerajaan Persekutuan bagi "perlindungan, kesejahteraan atau kemajuan" Orang Asli, "termasuk perizaban tanah."

Perjuangan untuk melindungi tanah Orang Asli/Bumiputera juga terhalang kerana hal ehwal tanah dan hutan adalah di bawah Senarai Negeri dalam Jadual 9 dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, eksekutif dan penggubal undang-undang negeri mempunyai kuasa yang besar untuk menentukan sejauh mana tanah Orang Asli/Bumiputera diiktiraf dan dilindungi. Jarang sekali bagi negeri-negeri ini yang mengangap sumber semula jadi sebagai sumber pendapatan yang penting, bertindak untuk memihak kepada tuntutan Orang Asli/Asal.¹⁶ Sebaliknya, dalam kebanyakan kes, Orang Asli/Asal terdedah kepada keputusan pihak berkuasa negeri yang sering memihak kepada pembangunan. Biarpun demikian, mahkamah-mahkamah di Malaysia berpendapat bahawa kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri mempunyai kewajipan untuk melindungi hak-hak tersebut dan mengelak daripada mengambil tindakan yang tidak konsisten dengan hak-hak tersebut. Dalam laporan Inkuiri Nasional, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Kebangsaan (SUHAKAM) juga mengisytiharkan bahawa hak tanah penduduk Orang Asli/Asal tidak boleh diabaikan dengan menekankan bahawa, "Di mana hak-hak telah diperuntukkan oleh undang-undang, apa-apa kekurangan harus diberi pampasan dengan merujuk kepada peruntukan perlembagaan untuk memberi pengiktirafan hak tanah adat sepenuhnya."¹⁷ Dalam kata lain, kerajaan Persekutuan masih mempunyai kewajipan untuk menghormati, melindungi dan memenuhi hak Orang Asli/Asal ke atas tanah pusaka mereka, dan tidak boleh mengabaikan kewajipan ini.

Sementara itu, untuk membuktikan tuntutan mereka dan mencabar pembangunan tanah, penduduk Orang Asli/Asal terpaksa bergantung kepada mahkamah biarpun ia merupakan proses panjang yang sering mengambil masa bertahun-tahun untuk selesai.¹⁸ Di dalam beberapa kes terkini, terdapat negeri-negeri yang terus mengeluarkan lesen kepada pelbagai syarikat, atau mewartakan tanah sebagai rizab hutan yang kemudiannya boleh dibangunkan tanpa berunding dengan penduduk Orang Asli/Asal. Tanpa surat ikatan hak milik tanah untuk menunjukkan kepemilikan mereka, ketika perselisihan timbul, pihak polis dan pihak berkuasa tempatan akan menyebelahi syarikat yang mempunyai lesen, dan tuntutan komuniti Orang Asli/Asal dianggap tidak sah di mata undang-undang. Perkara ini meningkatkan risiko terhadap individu-individu yang berusaha untuk melindungi dan mempertahankan mereka.



Tanah yang dibuka di Johor, Semenanjung Malaysia, Julai 2017 © Amnesty International

¹⁶ Lihat contoh, "Seeking Redress in the Courts: Indigenous Land Rights and Judicial Decisions in Malaysia," *Modern Asian Studies*, Vol 45, No 4, July 2011, ms. 839

¹⁷ SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013, ms. 65

¹⁸ Lihat contoh, Yogeswaran Subramaniam dan Colin Nicholas. 'The courts and the restitution of indigenous territories in Malaysia' (2018) 18(1) *Erasmus Law Review* ms.72

3.3 PENYERTAAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

Kekurangan penyertaan dalam membuat keputusan berhubung dengan tanah Orang Asli/Bumiputera oleh komuniti Orang Asli/Asal juga telah diperhatikan oleh SUHAKAM dan pakar-pakar termasuk Pelapor Khas PBB mengenai Hak untuk Makanan sebagai penghalang utama untuk merealisasikan hak tanah.¹⁹

Berikutan lawatan ke Malaysia pada tahun 2013, Pelapor Khas PBB, Olivier de Schutter menyeru persetujuan bebas serta makluman awal untuk diberikan kepada penduduk Orang Asli/Asal di Malaysia, prinsip yang diiktiraf di peringkat antarabangsa yang dianggap asas kepada hak penduduk Orang Asli/Asal yang juga telah ditekankan berulang kali oleh Pelapor Khas PBB mengenai Hak-hak Masyarakat Orang Asli.²⁰

Persetujuan bebas serta makluman awal adalah prinsip yang memerlukan setiap negeri untuk berunding dengan penduduk Orang Asli/Asal tentang apa jua perkembangan di tanah pusaka mereka. Dalam kes-kes di mana terdapat impak besar terhadap hak komuniti, kerajaan negeri mempunyai kewajipan untuk mendapatkan persetujuan bebas serta memberikan makluman awal berkenaan pembangunan yang dicadangkan kepada komuniti terbabit.

Ketiadaan geran dan kekurangan persetujuan bebas serta makluman awal adalah salah satu cabaran utama yang dihadapi penduduk Orang Asli/Asal di Malaysia. Dalam sesetengah kes, lesen dikeluarkan oleh kerajaan kepada pelbagai syarikat tanpa merujuk terlebih dahulu kepada penduduk Orang Asli/Asal yang akan terjejas. Ini telah dinyatakan dalam Inkuiri Nasional SUHAKAM, termasuk contoh-contoh di mana proses ini telah dipintas.²¹ Di Semenanjung Malaysia, Jabatan Pembangunan Orang Asli (JAKOA) yang menganggap mereka adalah wakil penduduk Orang Asli²² sering terlibat dengan agensi kerajaan dan pelbagai syarikat dalam memberikan persetujuan. Dalam sesetengah kes, syarikat-syarikat telah dibenarkan untuk memulakan operasi sebelum rundingan dijalankan.²² Ini terjadi walaupun dasar kerajaan secara nyata memerlukan persetujuan sedemikian. Contohnya, Penyata Dasar Pentadbiran Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang menyebut: "Keistimewaan penduduk Orang Asli berkenaan penggunaan tanah dan hak tanah hendaklah diiktiraf.... Penduduk Orang Asli tidak akan berpindah dari kawasan tradisi mereka tanpa persetujuan penuh mereka."²³

Kurangnya perundingan menyumbang kepada perpecahan dan ketidakpercayaan antara pihak kerajaan dan penduduk Orang Asli/Asal di Malaysia yang mendorong lebih banyak tindakan daripada individu-individu dan komuniti yang semakin lantang bersuara.

3.4 PELUANG-PELUANG YANG TERLEPAS

Pada tahun 2013, terdapat tanda-tanda bahawa kerajaan menyedari keperluan untuk memperbaharui dasar dan polisi berhubung isu tanah yang dihadapi oleh penduduk Orang Asli/Asal. Sebuah siasatan yang dibuat oleh SUHAKAM yang berlangsung selama 18 bulan menyediakan pemeriksaan mendalam mengenai isu tanah yang mempengaruhi penduduk Orang Asli/Asal. Laporan Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah Orang Asli/Bumiputera telah mendedahkan pelbagai jenis salah laku termasuk isu-isu sistemik berterusan yang tertumpu pada undang-undang tanah yang gagal mengiktiraf pemilikan dan pengurusan tanah Orang Asli/Bumiputera, serta lebih mengutamakan projek-projek pembangunan tanah berbanding keperluan untuk memastikan kelangsungan amalan kebudayaan dan mata pencarian penduduk Orang Asli/Asal.²⁴

¹⁹ SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013 ms.32; Laporan kepada Suruhanjaya mengenai Hak Asasi Manusia, Pelapor Khas mengenai makanan, Dokumen PBB. A/HRC/25/57/Add.2, para. 72-73

²⁰ Laporan kepada Suruhanjaya mengenai Hak Asasi Manusia, Pelapor Khas mengenai makanan, Dokumen PBB. A/HRC/25/57/Add.2, para. 72-73; Laporan Pelapor Khas mengenai hak asasi manusia dan kebebasan asas penduduk Orang Asli/Asal, James Anaya, Dokumen PBB. A/HRC/12/34 (2009), para 36-57

²¹ Lihat contoh pencerobohan ladang-ladang komersial di tanah yang dituntut sebagai hak tanah Bumiputera di Sabah ms. 89

²² Lihat contoh SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional. ms 33; R Aiken, C Leigh, "Indigenous Land-Rights Issues in Malaysia", *The Geographical Review*, Oktober 2011 ms.481

²³ Seksyen 1(d) Dasar Berkenaan Pentadbiran Orang Asli di Semenanjung Malaysia 1951

²⁴ SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013, ms.164

Berikutan penerbitan laporan SUHAKAM, sebuah Pasukan Petugas Mengkaji Laporan Inkuiri Nasional Mengenai Hak Tanah Orang Asli/Bumiputera telah ditubuhkan untuk mengkaji cadangan Suruhanjaya. Kerajaan seterusnya mengguna pakai 17 daripada 18 cadangan termasuk cadangan yang berhubung kait dengan pengiktirafan, penandaan dan pemberian geran tanah kepada Orang Asli/Bumiputera, hak untuk mendapatkan remedi untuk pencabulan hak asasi serta penyertaan dalam membuat keputusan mengenai pembangunan tanah.

Penerimaan cadangan-cadangan ini mendapat sambutan baik daripada pihak pemerhati, termasuk PBB, sebagai langkah untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh Orang Asli/Asal dan mengurangkan pelanggaran hak asasi manusia.²⁵ Walau bagaimanapun, pada April 2017, SUHAKAM mengumumkan bahawa tiada satupun cadangan yang telah dilaksanakan dan ketidaktindakan kerajaan telah membawa kepada peningkatan konfrontasi dan insiden antara Orang Asli/Asal dengan pihak berkuasa. Ia menyeru kepada kerajaan untuk mengeluarkan moratorium sementara ke atas semua pembangunan yang melibatkan hak tanah Orang Asli/Bumiputera.²⁶ Sehingga sekarang moratorium sementara yang dicadangkan itu belum berkuatkuasa.

3.5 BEBAS DARI KEBIASAAN LAMA

Pada Mei 2018, Pakatan Harapan telah menggulingkan kuasa kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh mantan Perdana Menteri Najib Razak. Pertukaran kerajaan buat pertama kalinya sejak kemerdekaan menimbulkan harapan di kalangan rakyat Malaysia dan masyarakat antarabangsa bahawa kemajuan hak asasi manusia, termasuk hak-hak Orang Asli/Asal berkemungkinan menjadi realiti.

Dalam manifesto pilihan raya mereka, Pakatan Harapan berjanji untuk melaksanakan pelbagai pembaharuan hak asasi manusia, termasuklah “mengiktiraf, menegak dan melindungi maruah dan hak” penduduk Orang Asli/Asal di Malaysia²⁷, juga menyatakan bahawa ia akan “bekerja untuk melaksanakan cadangan-cadangan Inkuiri Nasional bagi Laporan Hak Tanah Orang Asli/Bumiputera... yang tidak dipedulikan oleh (mantan parti dan gabungan pemerintah) UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu) dan BN (Barisan Nasional).²⁸” Manifesto itu menjanjikan bahawa ia akan membawa laporan ini “untuk diperbahaskan dalam tahun pertama pentadbiran Pakatan Harapan.” Manifesto itu selanjutnya berjanji untuk mengiktiraf tanah Orang Asli/Bumiputera di Semenanjung Malaysia²⁹, Sabah dan Sarawak, dan dalam kes-kes di mana tanah telah diperuntukkan secara tidak adil, untuk “menubuhkan mekanisme pembelaan untuk memastikan pihak yang terlibat dibayar pampasan yang mencukupi.”³⁰

Di samping itu, dalam Kajian Sukarela Nasional mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (Voluntary National Review of the Sustainable Development Goals) pada tahun 2017, Malaysia telah membuat beberapa komitmen untuk memperbaiki kehidupan komuniti Orang Asli/Asal dan tempatan dari segi pengurusan sumber semula jadi. Kajian tersebut berjanji untuk memperkasakan komuniti-komuniti ini untuk melaporkan kegiatan-kegiatan haram, dan paling utama, mempunyai hak untuk memberi atau menanggukkan persetujuan terhadap projek yang dicadangkan yang mungkin menjejaskan tanah mereka.³¹

Kerajaan baharu juga telah berjanji untuk mengesahkan enam konvensyen hak asasi manusia di mana Malaysia belum lagi menjadi ahli.³² Ini termasuk Konvensyen Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik, Konvensyen Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan, dan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum, yang kesemuanya mempunyai peruntukan hak-hak masyarakat Orang Asli/Asal.

Amnesty International memandang komitmen di atas sebagai peluang untuk kemajuan yang tidak boleh dilepaskan dan menyeru pihak kerajaan untuk menangani kebimbangan yang dikemukakan dalam

²⁵ Lihat contoh, UN News, “Malaysia must protect environment, Indigenous peoples as it reduces poverty – UN expert”, 18 Disember 2013

²⁶ Lihat contoh, SUHAKAM, Laporan Tahunan SUHAKAM 2016

<https://drive.google.com/file/d/0B6FQ7SONa3PRLVfYOHoyODc0eDg/view>; Free Malaysia Today, “You have failed the Orang Asli Suhakam tells the government”, 4 April 2017 <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2017/04/04/you-have-failed-the-orang-asli-suhakam-tells-the-government/>

²⁷ Pakatan Harapan, Buku Manifesto: Rebuilding our Nation (dalam ini disebut sebagai, Manifesto PH), Fulfilling our Hopes, Mac 2018, ms. 83

²⁸ Manifesto PH ms.83

²⁹ Manifesto PH ms.83

³⁰ Manifesto PH ms. 100-101

³¹ Government of Malaysia, Economic Planning Unit, Malaysia Sustainable Development Goals - Voluntary National Review, Jun 2017 <https://sustainabledevelopment.un.org/content/documents/15881Malaysia.pdf>

³² Lihat contoh Amnesty International Malaysia, New Ministers Statement an Opportunity for Human Rights Reforms, 3 Julai 2018 <http://www.amnesty.my/malaysia-new-ministers-statement-opens-opportunity-for-human-rights-reforms/>

laporan ini untuk merealisasi hak Orang Asli/Asal di Malaysia dengan sepenuhnya. Amnesty International juga menyeru kerajaan baharu untuk memastikan penghormatan dan perlindungan sewajarnya diberikan kepada hak pembela hak asasi manusia yang berjuang untuk tanah Orang Asli/Bumiputera.

4. RANGKA KERJA PERUNDANGAN

“Setiap orang mempunyai hak, secara individu dan secara bersekutu dengan yang lain, untuk menggalak dan berusaha untuk melindungi dan merealisasikan hak asasi manusia dan kebebasan asas di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.”

Perkara 1, Perisytiharan Hak Pembela Hak Asasi Manusia UN³³

Pihak berkuasa Malaysia terikat dengan beberapa kewajipan antarabangsa dan domestik yang mengharuskan mereka untuk melindungi hak pembela hak asasi manusia dan tanah Orang Asli/Bumiputera di Malaysia.

4.1 PEMBELA HAK ASASI MANUSIA

4.1.1 UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA

PERISYTIHARAN PBB MENGENAI PEMBELA HAK ASASI MANUSIA

Di bawah undang-undang dan piawaian hak asasi antarabangsa, setiap orang yang bertindak untuk mempertahankan atau mempromosikan hak asasi manusia, secara individu atau secara bersekutu dengan yang lain, di peringkat nasional, serantau atau antarabangsa, berhak mendapat perlindungan efektif di bawah undang-undang nasional dan antarabangsa bagi membolehkan mereka menjalankan kerja mereka dalam persekitaran yang selamat dan kondusif. Hak ini dinyatakan dalam Perisytiharan PBB mengenai Hak Pembela Hak Asasi Manusia dan telah secara konsisten diakui oleh beberapa resolusi Perhimpunan Agung PBB dan Majlis Hak Asasi Manusia.

Perisytiharan Hak dan Tanggungjawab Individu, Kelompok dan Anggota Masyarakat untuk Menggalakkan dan Melindungi Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Asas yang Diakui, yang dikenali sebagai Perisytiharan Pembela Hak Asasi Manusia, telah diterima pakai oleh Perhimpunan Agung PBB melalui konsensus pada tahun 1998.³⁴ Perisytiharan tersebut, walaupun bukan sebuah dokumen yang mengikat secara sah, menyatakan beberapa

³³ Perisytiharan mengenai peranan pembela hak asasi manusia dan keperluan perlindungan untuk mereka (juga dikenali sebagai Perisytiharan Hak dan Tanggungjawab Individu, Kumpulan dan Anggota Masyarakat untuk Mengalakkan dan Melindungi Hak Asasi Manusia dan Kebebasan Asas yang Diiktiraf di Negara) A/RES/53/144, 8 Mac 1999 (Di sini disebut sebagai, Perisytiharan Hak Pembela Hak Asasi Manusia)

³⁴ Perisytiharan Hak Pembela Hak Asasi Manusia

hak yang dilindungi di bawah undang-undang antarabangsa dan menggunakannya untuk peranan dan situasi tertentu pembela hak asasi manusia, termasuk kewajipan kerajaan untuk memberikan perlindungan efektif kepada mereka yang menghadapi risiko dan ancaman serangan dalam melaksanakan tugas mereka mempertahankan hak asasi manusia.

Khususnya, Perisytiharan PBB mengenai Pembela Hak Asasi Manusia menghendaki negara-negara untuk melindungi pembela hak asasi manusia daripada ancaman, gangguan, intimidasi dan serangan, termasuk penggunaan undang-undang jenayah untuk menyasar dan mendiamkan mereka.³⁵ Perkara 12 (2) contohnya, menyatakan bahawa “Kerajaan hendaklah mengambil segala langkah yang diperlukan untuk memastikan perlindungan daripada pihak berkuasa yang berwajib untuk setiap orang, secara individu dan secara bersekutu dengan yang lain, terhadap apa-apa tindakan keganasan, ancaman, pembalasan, diskriminasi bertentangan de facto atau de jure, tekanan atau apa-apa tindakan arbitrari lain disebabkan pelaksanaan ke atas haknya yang sah yang disebutkan dalam Perisytiharan ini.” Ia juga memerlukan kerajaan untuk memerangi pengecualian daripada hukuman dan memastikan bahawa mereka yang bertanggungjawab untuk pencabulan dan penganiayaan terhadap pembela hak asasi manusia segera dibawa ke muka pengadilan.³⁶

Walaupun negara memikul tanggungjawab utama untuk melindungi pembela hak asasi manusia, aktor non-negara, termasuklah syarikat-syarikat, bertanggungjawab untuk menghormati hak asasi manusia dan harus mengelak daripada memandang rendah keupayaan pembela hak asasi manusia dari segi melakukan pekerjaan mereka dengan bebas dan aman.³⁷ Syarikat-syarikat harus memberi perhatian khusus kepada risiko operasi mereka yang melibatkan pembela hak asasi manusia dan melaksanakan prosedur ketekunan wajar yang ditingkatkan untuk mengenal pasti, menilai dan menangani risiko dengan secukupnya, dan memberi kesan kepada hak asasi manusia, termasuklah hak pembela hak asasi manusia.

PERISYTIHARAN HAK ASASI MANUSIA SEJAGAT

Pembela hak asasi manusia juga berhak untuk perlindungan dan hak asasi mereka dipelihara seperti yang termaktub dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR).

Hak untuk hidup, kebebasan dan keselamatan seseorang individu termaktub dalam Perkara 3 UDHR manakala Perkara 8 menetapkan hak untuk mendapatkan remedi efektif untuk pelanggaran hak di bawah Perlembagaan atau undang-undang.

Dalam konteks serangan, intimidasi dan ancaman yang dihadapi oleh pembela hak asasi manusia, hak kebebasan pendapat dan hak bersuara dinyatakan dalam Perkara 19 UDHR. Hak ini termasuk “kebebasan untuk berpendapat tanpa campur tangan” dan “mencari, menerima dan menyebarkan maklumat dan idea melalui apa-apa media tanpa mengira sempadan.” Sementara itu, Perkara 20 menetapkan hak untuk menyertai perhimpunan dan persatuan secara aman.

Walaupun undang-undang hak asasi manusia antarabangsa membenarkan sekatan tertentu dari segi kebebasan bersuara dan perhimpunan aman, sekatan ini mesti memenuhi ujian tiga bahagian yang ketat: ia mesti disediakan oleh undang-undang; terhad kepada tujuan tertentu seperti keselamatan negara, ketenteraman awam atau penghormatan hak atau reputasi orang lain; dan perlu bersesuaian dengan pencapaian salah satu tujuan yang dibenarkan. Sebarang sekatan yang dikenakan yang tidak memenuhi kesemua elemen “ujian tiga bahagian” ini merupakan pelanggaran hak-hak ini.

4.1.2 RANGKA KERJA PERUNDANGAN NEGARA

Walaupun peranan dan kerja pembela hak asasi manusia tidak dinyatakan dengan jelas di dalam undang-undang Malaysia, Perlembagaan Persekutuan Malaysia dan undang-undang lain termasuk Akta Hasutan, Akta Perhimpunan Aman, dan Akta Bantuan Guaman, adalah relevan untuk melindungi dan menghormati pembela hak asasi manusia dan kerja yang mereka lakukan.

³⁵ Perkara 12, Perisytiharan Hak Pembela Hak Asasi Manusia

³⁶ Perkara 9 cth. “Setiap orang mempunyai hak, secara individu dan secara bersekutu dengan yang lain, untuk mendapat manfaat daripada remedi efektif dan untuk dilindungi sekiranya berlaku pencabulan terhadap hak mereka.” Perisytiharan Hak Pembela Hak Asasi Manusia

³⁷ Perkara 11, Perisytiharan Hak Pembela Hak Asasi Manusia

Perlembagaan Malaysia menegaskan hak untuk hidup, kebebasan, dan proses yang sewajarnya.³⁸ Selanjutnya, ia menjamin semua orang perlindungan undang-undang yang sama (Perkara 8). Perlembagaan juga menegaskan hak lain yang dinyatakan dalam Perisytiharan Pembela Hak Asasi Manusia, termasuklah hak kebebasan bersuara, menyertai perhimpunan dan berpersatuan.³⁹

Walaupun kebebasan bersuara dan hak untuk berhimpun secara aman dilindungi di dalam Perlembagaan, hak-hak ini tertakluk kepada sekatan dalam amalan. Perundangan di Malaysia yang menetapkan had untuk hak ini termasuklah Akta Hasutan 1948 dan Akta Perhimpunan Awam 2012.

Akta Hasutan dari zaman kolonial Malaysia menganggap pelbagai aktiviti, yang sepatutnya dianggap sebagai kebebasan bersuara yang sah sebagai suatu kegiatan jenayah. Ini termasuklah suara-suara yang 'mempunyai kecenderungan untuk membangkitkan rasa tidak puas hati terhadap mana-mana Raja atau kerajaan' atau yang 'mempersoalkan apa-apa perkara yang dilindungi oleh Perlembagaan. Sekatan-sekatan yang dikenakan dalam Akta tersebut dibincangkan secara keterlaluan dan tidak jelas, berpotensi mengakibatkan penggunaan undang-undang tersebut secara keterlaluan dan menganiaya. Akta ini tidak mematuhi undang-undang dan piawaian hak asasi antarabangsa, dan tambahan pula, mencabul hak kebebasan bersuara seperti yang dijamin dalam Perlembagaan Malaysia. Mereka yang didapati bersalah boleh dihukum hingga tiga tahun penjara dan dikenakan denda yang tinggi. Ahli-ahli politik pembangkang, peguam, wartawan dan lain-lain semuanya telah disiasat di bawah Akta Hasutan sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Oleh itu, pertubuhan sivil dan pertubuhan hak asasi manusia, termasuk Amnesty International, telah memohon undang-undang tersebut dimansuhkan.

Walaupun Akta Perhimpunan Aman bertujuan untuk memastikan semua rakyat berhak untuk menganjurkan atau mengambil bahagian dalam perhimpunan aman tanpa senjata, sejak diwujudkan, Akta ini juga telah disalahgunakan untuk menyasarkan pembela hak asasi manusia, pengkritik kerajaan dan untuk perbuatan penganjuran atau mengambil bahagian dalam perhimpunan aman awam.

Perundangan lain termasuk Akta Bantuan Undang-Undang 1971, yang bertujuan untuk memberi mereka yang memerlukan pembelaan undang-undang hak untuk mendapat perkhidmatan peguam. Namun mengikut yang diamal, Akta ini hanya memperuntukkan peguam untuk mewakili orang yang dituduh yang telah mengaku bersalah atas tuduhan jenayah, atau yang dituduh di bawah Akta Kesalahan Kecil 1955. Oleh itu, masih terdapat kekurangan dari segi akses kepada bantuan guaman, dan akibatnya, akses kepada keadilan di Malaysia, termasuklah untuk pembela hak asasi manusia.

4.2 HAK PENDUDUK ORANG ASLI/ASAL

4.2.1 UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA

PERISYTIHARAN PBB MENGENAI HAK PENDUDUK ORANG ASLI/ASAL

Perisytiharan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asli/Asal (UNDRIP)⁴⁰ merupakan dokumen antarabangsa yang paling substantif yang menetapkan hak penduduk Orang Asli/Asal. Ia menggariskan hak-hak penting untuk kerja pembela hak asasi Orang Asli/Asal, serta untuk tanah Orang Asli/Bumiputera dan sumber-sumber asli.

Perisytiharan tersebut memberi kewajiban kepada semuanegara; termasuklah untuk menghormati hak orang Asli/Asal untuk penentuan diri; hak kepada pemerintahan sendiri dan persetujuan yang bebas, dan bermakluman awal; pengiktirafan dan pemeliharaan identiti budaya; hak untuk pampasan ganti rugi dan tebus rugi untuk ketidakadilan yang dialami; dan hak untuk perjanjian yang telah dirunding bersama dengan kerajaan untuk dihormati dan dilaksanakan sepenuhnya.⁴¹ Perisytiharan itu menegaskan hak-hak Orang Asli/Asal untuk mendapat layanan secara sama rata dan tiada diskriminasi, dan hak kebebasan

³⁸ Perkara 5, Perlembagaan Malaysia 1963

³⁹ Perkara 10, Perlembagaan Malaysia 1963

⁴⁰ Perhimpunan Agung PBB, Perisytiharan Hak Orang Asli/Asal, A/61/295, 13 Disember 2007

⁴¹ International Law Association, "Report of The Hague Conference - Rights of Indigenous Peoples" (2010)

bersuara yang diperlukan untuk mempertahankan hak lain. Dalam Perkara 4, Perisytiharan itu menyatakan "Orang Asli/Asal, dalam melaksanakan hak mereka untuk penentuan diri, mempunyai hak untuk autonomi atau pemerintahan sendiri dalam hal-hal yang berkaitan dengan urusan dalaman dan tempatan mereka, serta cara dan kaedah untuk membiayai fungsi-fungsi autonomi mereka."

Walaupun Malaysia mengundi untuk memihak kepada UNDRIP pada tahun 2007, terdapat jurang yang besar antara prinsip-prinsip yang disokong oleh Malaysia dalam Perisytiharan dan perlindungan yang diberikan kepada penduduk Orang Asli/Asal di bawah undang-undang, dasar dan amalan Malaysia berhubung hak Orang Asli/Bumiputera. Jurang ini termasuklah kegagalan untuk menghormati hak yang berkaitan dengan tanah dan sumber semula jadi dan persetujuan bebas, bermakluman awal Orang Asli/Asal. Terdapat banyak halangan untuk mendapatkan keadilan bagi komuniti dan pembela Orang Asli/Asal. Selain itu, hanya beberapa prinsip UNDRIP telah ditafsir secukupnya dan diterapkan ke dalam undang-undang Malaysia.

Malaysia bukanlah sebuah negara ahli Konvensyen Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik, Konvensyen Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan atau Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan semua Bentuk Diskriminasi Kaum, yang juga mengandungi perlindungan untuk pembela hak asasi Orang Asli/Asal dan, dan larangan diskriminasi kaum.

Walaupun bagaimanapun, Malaysia adalah negara ahli kepada Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), dan Konvensyen untuk Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW). Di bawah CRC, negara-negara ahli harus bekerja ke arah perlindungan dan penjagaan yang diperlukan untuk kesejahteraan kanak-kanak (didefinisikan sebagai berusia di bawah 18 tahun), termasuk memastikan bahawa anak Orang Asli/Asal tidak akan dinafikan hak dalam komuniti dengan ahli lain dari kumpulannya, untuk menikmati budaya sendiri, dan menganut dan mengamalkan agama atau bahasanya. Jawatankuasa PBB mengenai Hak Kanak-Kanak, yang menjaga konvensyen itu, menyatakan "penggunaan tanah tradisi sangat penting untuk pembangunan dan kesenangan budaya [Orang Asli/Asal], dan negara-negara yang telah meratifikasi konvensyen itu harus "mempertimbangkan kepentingan budaya tanah tradisi dan kualiti alam semulajadi secara teliti."⁴²

4.2.2 RANGKA KERJA PERUNDANGAN NEGARA

"Orang Asli/Asal" untuk tujuan bab ini merujuk kepada tiga kumpulan etnik yang dikenal pasti: Orang Asli di Semenanjung Melayu, Orang Asal Sabah dan Orang Asal Sarawak. Perlembagaan Malaysia menyatakan mengenai hak untuk layanan secara sama rata untuk semua rakyat di sisi undang-undang (Perkara 8). Ia juga memperuntukkan 'hak untuk harta' rakyat Malaysia, termasuklah Orang Asli/Asal dan menjamin hak untuk 'pampasan yang mencukupi' sekiranya berlaku pemerolehan atau penggunaan harta oleh kerajaan (Perkara 13).⁴³ Perkara 83 memperuntukkan Kerajaan Persekutuan (selepas berunding dengan Kerajaan Negeri) dengan kuasa memperoleh, untuk tujuan awam, tanah yang telah ditetapkan untuk projek-projek pembangunan berskala besar, seperti untuk pembinaan empangan, lebuhraya dan taman negara.

Satu set pelbagai undang-undang negeri, yang digariskan di bawah, mentabir tanah selanjutnya. Walaupun terdapat beberapa perbezaan dari segi undang-undang, cabaran utama dihadapi oleh Orang Asli/Asal di seluruh negara tetap sama. Kekurangan pengiktirafan rasmi hakmilik tanah Bumiputera menyebabkan komuniti terbiar tanpa memiliki surat ikatan hak milik yang bermaksud mereka harus menggunakan mahkamah untuk menunjukkan dan membuktikan pemilikan tanah mereka secara rasmi. Keadaan menjadi lebih teruk lagi dengan penggunaan tanah secara berterusan oleh pihak berkuasa negeri untuk memajukan pembangunan komersial dan bukannya melindungi rizab hutan, sistem pendaftaran tanah yang perlahan dan tidak cekap, dan kekurangan penyertaan efektif, rundingan dan persetujuan bebas serta makluman awal berkenaan hal tanah yang memberikan kesan kepada orang-orang pribumi⁴⁵.

⁴² Committee on the Rights of the Child, General Comment no. 11 (2009), para 35

⁴³ Perkara 13, Perlembagaan Malaysia 1963

SEMENANJUNG MALAYSIA

Perkara 8(5)(c) dalam Perlembagaan Malaysia memberi perlindungan kepada penduduk Orang Asli termasuklah 'perizaban' (peruntukan) tanah. Walaupun dengan peruntukan ini, Kanun Tanah Negara 1965 ('NLC'), statut utama yang mengawal pendaftaran tanah dan kepentingan di Semenanjung Malaysia tidak mengandungi peruntukan yang jelas yang mengiktiraf atau mengawal tanah adat Orang Asli.

Sebaliknya, Akta Orang Asli 1954 ('APA'), undang-undang utama yang mentadbir Orang Asli di Semenanjung, memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri masing-masing, antara lain, untuk menamakan tanah Orang Asli sebagai 'rizab Orang Asli' atau 'kawasan Orang Asli'. Bagaimanapun, hanya sebilangan kecil kampung dan tanah di mana Orang Asli hidup secara rasmi telah ditetapkan. Walaupun tanah tersebut dilindungi secara rasmi oleh perizaban, rizab tanah ini boleh dibatalkan oleh kerajaan di bawah APA atau NLC untuk memberi laluan kepada keutamaan guna tanah yang lain, termasuklah pembangunan tanah. Lebih-lebih lagi, skim undang-undang sedia ada tidak mengiktiraf hak milik komunal tanah Orang Asli. Keterbatasan ini sangat menyekat jaminan bermukim yang dinikmati oleh Orang Asli berhubung dengan tanah adat mereka.

Akta Perhutanan Negara 1984 meletakkan hak pemunyaan hasil hutan di rizab atau tanah negeri di Pihak Berkuasa Negeri dan menyediakan akses terhad kepada Orang Asli kepada hasil hutan tersebut untuk kegunaan domestik dan sara hidup. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, perselisihan dan pertembungan antara Orang Asli dengan Jabatan Perhutanan telah berlaku terutamanya di mana Orang Asli mengumpul dan mengusahakan tanah di rizab hutan yang mereka anggap sebagai tanah pusaka atau adat.

SABAH

Perkara 153 (1) dalam Perlembagaan Malaysia memberi tanggungjawab kepada kerajaan untuk menjaga kedudukan keistimewaan orang Melayu, dan Orang Asal Sabah dan Sarawak dan kepentingan sah masyarakat lain. Perkara 161A (5) dalam Perlembagaan Malaysia memperuntukkan perizaban tanah kepada Orang Asal Sabah dan Sarawak.

Ordinan Tanah Sabah 1930 memperuntukkan perlindungan hak tanah Bumiputera Sabah, yang disebut sebagai Hak Adat Bumiputera (NCR). Seseorang Orang Asal Sabah boleh membuktikan hak-hak ini melalui pendudukan berterusan negeri itu dengan membuat permohonan untuk 'hak milik bumiputera'.⁴⁴ Di bawah undang-undang bertulis Sabah, hak milik bumiputera juga boleh diberikan untuk kegunaan tanah bersama, contohnya untuk sumber kolektif, tadahan air dan hutan komunal. Yang diPertua Negeri (YDP - Ketua Negeri) juga boleh mengisytiharkan tanah sebagai rizab Bumiputera di bawah undang-undang ini.

Tuntutan untuk 'hak milik bumiputera' boleh dibuat kepada ketua kawasan, atau terus kepada Pemungut, mana-mana Pentadbir Tanah Daerah, Pegawai Tanah, Pegawai Daerah atau pegawai lain yang dilantik di bawah undang-undang tanah Negeri; yang mendengar tuntutan dan menentukannya. Pada hakikatnya, hanya sedikit hak milik bumiputera telah diberikan, membuatkan banyak komuniti Orang Asal tinggal di atas tanah negeri, dan berhadapan dengan cabaran untuk melalui proses pendaftaran atau mahkamah yang panjang dan sukar untuk menuntut hak milik tanah.

HAK MILIK TANAH KOMUNAL

Di bawah syarat-syarat Ordinan Tanah Sabah, Orang Asal disifatkan sebagai benefisiari hak milik komunal bumiputera dan bukannya pemilik.⁴⁵ Hak milik komunal adalah tanah yang dipegang secara amanah oleh Pejabat Daerah atau Penolong Pemungut Hasil Tanah, yang mempunyai kuasa ke atas jenis tanaman yang ditanam dan sama ada tanah boleh atau tidak diberikan kepada waris yang terdekat.

Sebagai contoh, hak milik komunal juga telah menyertakan orang luar namun kebanyakan penduduk Orang Asal yang tinggal di kawasan tersebut tidak pula disertakan. Kerajaan juga telah menggunakan

⁴⁵ SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013, ms. 6

⁴⁴ Seksyen 15, Ordinan Tanah Sabah 1930

⁴⁵ Seksyen 76, Ordinan Tanah Sabah 1930. Lihat juga contoh: Malaysia Star, "Sabah Natives Wary of Communal Land Titles", 10 Ogos 2016, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2016/08/10/sabah-natives-wary-over-communal-land-titles/#BRcsGsOoDzClFpdD.99>

tanah komunal untuk usaha sama dengan syarikat swasta atau pemaju, selalunya tanpa persetujuan bebas serta makluman awal komuniti Orang Asal.

Pada bulan Ogos 2018, Ketua Menteri Sabah mengumumkan bahawa hak milik tanah komunal akan dibatalkan, agar hak tanah Bumiputera dapat dilindungi.⁴⁶

Beliau telah menyatakan isu-isu tersebut yang bermaksud hak milik tanah komunal telah mengakibatkan komuniti Orang Asal kehilangan hak ke atas tanah, termasuklah usaha sama, dan penjualan hak milik tanah kepada orang luar dan menyatakan bahawa masalah ini akan diperbetulkan. Janji ini diulangi beliau pada November 2018, apabila beliau menyatakan bahawa hak milik komunal akan dibatalkan pada Disember 2018. Walau bagaimanapun, Ketua Menteri tersebut juga menyatakan bahawa hak milik individu akan dikeluarkan, yang akan menjadi suatu kegagalan negeri untuk mengiktiraf hak milik tanah kolektif Bumiputera.⁴⁷

SARAWAK

Sama seperti di negeri Sabah, mengikut sejarah, negeri Sarawak juga telah mengiktiraf hak tanah adat Bumiputera mengikut undang-undang Kanun Tanah Sarawak 1958 yang merupakan undang-undang utama yang mentabir hal ehwal tanah di Sarawak.

Hak tanah adat boleh dibuktikan dengan menunjukkan penggunaan tanah, contohnya, penebangan hutan dara, atau penanaman pokok buah-buahan, atau penggunaan tanah untuk tanah perkuburan. Mengikut Seksyen 5(2) dalam Kanun, sehinggalah sebuah dokumen hak milik telah dikeluarkan, tanah tersebut adalah Tanah Negeri dan mana-mana Orang Asal yang menduduki tanah ini akan dianggap sebagai 'pemegang lesen daripada Kerajaan'. Setakat ini hanya beberapa hak milik bumiputera telah dikeluarkan, kebanyakkan komuniti masih kekal sebagai pemegang lesen.

Ordinan Hutan Sarawak 2015 menganggap pembinaan halangan atau pencegahan daripada merobohnya, adalah suatu jenayah yang boleh dihukum sehingga dua tahun penjara atau denda RM10,000 (\$USD 2,387).⁴⁸ Walau bagaimanapun, komuniti Orang Asal Sarawak terus menggunakan halangan untuk membantah kehilangan tanah mereka, biasanya sebagai jalan terakhir.

Pada bulan Julai 2018, pindaan kepada Kanun Tanah telah diluluskan untuk menangani keputusan majoriti Mahkamah Persekutuan dalam kes *TR Sandah* (dibincangkan di bawah). Pindaan-pindaan ini memperuntukkan pengeluaran hak milik secara kekal (hak milik tetap) berkenaan dengan tanah adat komunal Bumiputera untuk kawasan luar daripada yang dibersihkan, kawasan tetap, dan yang diusahakan tetapi meletakkan had berkanun sebanyak 1,000 hektar bagi setiap hak milik. Kanun Tanah telah dikritik kerana memperdayakan penduduk Orang Asal NCR mereka. Peguambela, termasuk Menteri Kerja Raya semasa iaitu Baru Bian, menyatakan komuniti Orang Asal telah menetapkan tuntutan adat komuniti untuk lebih daripada 10,000 hektar tanah melalui mahkamah dahulu.⁴⁹ Aktivistik hak Orang Asal melahirkan rasa kebimbangan bahawa pindaan dalam undang-undang itu hanya akan memberikan komuniti Orang Asal hak untuk mengguna, tetapi bukan memiliki tanah, dengan menyuarakan rasa tidak puas hati mereka di kawasan awam di bandar-bandar di negeri ini.⁵⁰

PERKEMBANGAN KES UNDANG-UNDANG DAN TREND KEHAKIMAN

Sejak tahun 1990-an, komuniti Orang Asal dan para pembela mereka semakin kerap mencari penyelesaian di mahkamah Malaysia untuk mendapatkan pengiktirafan dan perlindungan untuk tanah dan sumber-sumber hasil mereka secara rasmi, dan setakat ini telah meraih beberapa kejayaan. Di antara kejayaan mereka adalah pengiktirafan mahkamah Malaysia terhadap hak-hak Orang Asal yang sedia ada

⁴⁶ Malaysia Star, "Shafie: Communal Land Titles to be Scrapped", 8 Ogos 2018,

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2018/08/08/shafie-communal-land-titles-to-be-scrapped/>

⁴⁷ *Saramaka People v. Suriname* (Bantahan Awal, Merit, Pampasan, dan Kos) (Siri C No. 172) Inter-American Court of Human Rights, (2007); Per. 26, Perisytiharan Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asli/Asal

⁴⁸ Seksyen 102, Ordinan Perhutanan Sarawak 2015

⁴⁹ Lihat contoh: Borneo Post, "PH Against Land Code Amendment Bill", 11 Julai 2018 <http://www.theborneopost.com/2018/07/11/ph-against-land-code-amendment-bill/>

⁵⁰ Reuters, "Indigenous Malaysians fight new land law with maps of burial grounds", 16 Julai 2018 <https://www.reuters.com/article/us-malaysia-landrights-lawmaking/indigenous-malaysians-fight-new-land-law-with-maps-of-burial-grounds-idUSKBN1K61EF>

untuk tanah dan sumber-sumber tanpa memerlukan perundangan rasmi dan pengesahan rasmi eksekutif.⁵¹

Hak-hak kepada tanah dan sumber-sumber ini boleh dikuatkuasakan melalui mahkamah di mana pihak Orang Asal yang menuntut membuktikan pendudukan awal dan berterusan di tanah yang dituntut.⁵² Pengiktirafan hak tanah adat Bumiputera oleh Mahkamah telah menyaksikan kejayaan besar terutamanya di Semenanjung Malaysia, yang boleh dikatakan disebabkan oleh hakikat bahawa tidak ada undang-undang bertulis yang secara nyata mengiktiraf, mengehendkan atau menghapuskan hak adat Orang Asli. Orang Asli telah berjaya menuntut pampasan kewangan yang mencukupi⁵³ atas kehilangan dan restitusi tanah mereka⁵⁴ di mana mereka telah membuktikan hak tanah adat di Mahkamah. Mahkamah Malaysia juga berpendapat bahawa kerajaan persekutuan dan negeri mempunyai kewajipan kewangan untuk melindungi hak tanah Bumiputera dan untuk tidak mengambil tindakan yang tidak konsisten dengan hak tanah tersebut.⁵⁵

Malangnya, keputusan mahkamah yang lebih tinggi di Sarawak baru-baru ini mencadangkan trend kehakiman regresif. Pada 2017, keputusan majoriti Mahkamah Persekutuan dalam kes Director of Forest, Sarawak lwn TR Sandah ak Tabau (2017) 3 CLJ 1 pengiktirafan undang-undang am terhad bagi tanah adat bumiputera Iban untuk menetap, membersihkan dan mengusahakan tanah '*temuda*' dan memutuskan bahawa domain wilayah yang lebih luas iaitu '*pemakai menoa*' dan hutan komunal *pulau galau* tidak diberi kuasa perundangan oleh undang-undang bertulis Sarawak.

Meskipun mahkamah di Malaysia kekal sebagai pilihan berpotensi untuk komuniti Orang Asli/Asal yang mencari penyelesaian bagi masalah tanah mereka, litigasi Orang Asli/Asal menghadapi cabaran besar dalam menavigasi laluan ini atas sebab sumber kewangan yang terhad, keperluan keterangan yang tidak mencukupi, litigasi berterusan, ketidakpastian kehakiman dan kerajaan-kerajaan negeri yang gagal mematuhi peraturan.⁵⁶

CABARAN-CABARAN PENGIKTIRAFAN TANAH DI SEMENANJUNG MALAYSIA, SABAH & SARAWAK

Inkuiri Nasional untuk Hak Tanah Penduduk Orang Asli/Asal oleh SUHAKAM pada 2013⁵⁷, mengenalpasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli/Asal berhubung dengan hak tanah di dalam negara:

SEMENANJUNG MALAYSIA

- Di mana rizab Orang Asli (OA) diwujudkan, masih belum ada jaminan bermukim kerana kerajaan negeri boleh membatalkan status rizab pada bila-bila masa
- Peta-peta yang digunakan oleh kerajaan tempatan tidak termasuk tanah yang diduduki oleh OA yang tidak diwartakan sebagai rizab OA, menjadikannya tak dapat dilihat secara efektif
- Kekurangan keseragaman dari segi dasar tanah di seluruh negeri
- Kelewatan yang ketara dalam pemprosesan permohonan rizab, bermaksud hanya terdapat kenaikan 0.02% dalam 20 tahun pewartaan tanah OA mengikut angka JAKOA (Jabatan Pembangunan Orang Asli), dengan beberapa permohonan yang sudah tertangguh selama 10 tahun
- Tanah yang sebelum ini diiktiraf sebagai tanah OA telah, dalam beberapa kes, dipindahkan kepada negeri atau entiti lain
- JAKOA memaklumkan Inkuiri sebab utama ketidakmampuan mereka untuk mewartakan rizab OA ialah JAKOA adalah Agensi Persekutuan manakala tanah adalah di bawah Negeri
- OA telah didorong untuk mempercayai, dalam beberapa kes oleh para pegawai JAKOA, ahli politik, pegawai kerajaan dan mereka yang mempunyai kuasa atas perkara tanah di Negeri, bahawa tanah

⁵¹ Lihat contoh, kes Adong bin Kuwau lwn Kerajaan Negeri Johor [1997] 1 MLJ 418 dan Nor anak Nyawai lwn Borneo Pulp Plantation Sdn Bhd [2001] 6 MLJ 241. Ketepatan undang-undang kes ini telah ditegaskan oleh mahkamah tertinggi Malaysia dalam kes Malaysia Superintendent of Land & Surveys Miri Division lwn Madeli bin Salleh (menyaman sebagai Pentadbir Harta si mati, Salleh bin Kilong) [2008] 2 MLJ 677.

⁵² Superintendent of Land & Surveys Miri Division lwn Madeli bin Salleh (menyaman sebagai Pentadbir Harta si mati, Salleh bin Kilong) [2008] 2 MLJ 677.

⁵³ Lihat cth. Kerajaan Negeri Selangor lwn Sagong bin Tasi [2005] 6 MLJ 527 (Mahkamah Rayuan).

⁵⁴ Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli lwn Mohamad bin Nohing (Batin Kampung Bukit Rok) [2015] 6 MLJ 527 (Mahkamah Rayuan).

⁵⁵ Kerajaan Negeri Selangor lwn Sagong bin Tasi [2005] 6 MLJ 527 (Mahkamah Rayuan).

Lihat contoh. Yogeswaran Subramaniam dan Colin Nicholas. 'The courts and the restitution of indigenous territories in Malaysia' (2018) 18(1) Erasmus Law Review pp. 67-79

⁵⁷ SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013, ms.81-153

adat mereka adalah milik mereka dan mereka boleh duduki, yang menyebabkan mereka tidak mengemukakan permohonan tanah

- Di mana OA berada di atas tanah atau rizab hutan negeri, tanah itu terus dianggap sedemikian dan kekurangan pengiktirafan mewujudkan risiko tanah diberi milik kepada pihak selain OA

SABAH

- Permohonan tanah individu untuk hak pemilikan tanah digalakkan oleh pihak berkuasa, walaupun hak tanah komunal diiktiraf dalam bentuk rizab bumiputera dan hak milik komunal di bawah Ordinan Tanah Sabah (SLO)
- Terdapat kelewatan yang ketara dalam meluluskan permohonan dan tinjauan tanah, dengan kelewatan dalam beberapa kes ada yang sudah melebihi 10 tahun
- Tuntutan tanah bumiputera bertindih dengan individu persendirian, syarikat, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan agensi pembangunan negeri, walaupun terdapat permohonan tuntutan tanah Bumiputera yang masih menunggu jawapan. Selalunya, individu-individu persendirian menjual tanah mereka kepada syarikat
- Apabila komuniti Orang Asal mengadu tentang pihak lain di atas tanah mereka, mereka telah diberitahu bahawa permohonan mereka ditolak atau permohonan individu/syarikat lain telah diterima sebelum permohonan mereka
- Terdapat penipuan dan penyalahgunaan kuasa, di mana terdapat beberapa ketua kampung yang meletakkan nama orang luar ke dalam hak milik tanah tersebut
- Notis hanya disiarkan di papan notis di Jabatan Ukur Tanah tanpa usaha untuk mengenal pasti mereka yang telah membuat permohonan terlebih dahulu untuk tanah yang sama atau untuk menyampaikan notis kepada mereka untuk memberi peluang mereka mencabar tuntutan tersebut secara proaktif
- Hak milik komunal membolehkan kerajaan untuk membangunkan tanah dalam usaha sama dengan komuniti, seringkali tanpa persetujuan bebas serta makluman awal
- Banyak komuniti Orang Asal yang terjejas tidak sedar bahawa tanah mereka berada dalam rizab hutan sehingga ketibaan syarikat pembalakan atau penyiaran notis oleh pihak berkuasa untuk memberi amaran terhadap pencerobohan mereka

SARAWAK

- Takrif tanah adat tidak termasuk tanah rayau
- Mahkamah telah gagal untuk mengiktiraf dan mengembangkan tafsiran progresif untuk tanah adat dalam keputusan mahkamah terdahulu, sebaliknya hanya menurut takrifan tanah adat yang sempit sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 5(2) Kanun Tanah Sarawak (SLC)
- Terdapat kelewatan yang ketara dalam usaha tuntutan hak tanah; selain itu beberapa permohonan juga didakwa hilang semasa proses birokrasi
- Pajakan-pajakan sementara oleh pihak berkuasa Kerajaan telah diberikan kepada pihak ketiga atau rizab hutan telah diwartakan, dengan menolak permohonan untuk tanah bumiputera
- Tiada jawapan kepada permohonan untuk meninjau tanah
- Notis-notis untuk pembangunan tanah yang disiarkan di pejabat ibu kota wilayah tidak praktikal untuk didengar dan dicabar oleh komuniti terpencil
- Lesen-lesen sementara yang diberikan kepada pelbagai syarikat untuk membangunkan tanah termasuklah kewajipan untuk mengecualikan dan melindungi tanah NCR tetapi ini sering tidak berlaku. Keperluan ini tidak dinyatakan di dalam perjanjian lesen itu sendiri

5. TINDAKAN KEGANASAN DAN GANGGUAN

“... Kami telah disasarkan oleh samseng. Samseng tu kenal kami ... pada mereka, kami penjahat – pada mereka, aktivis adalah penjenayah...”

Dennis Along, aktivis Tring dari Sarawak⁵⁸

5.1 SARAWAK

Hingga kini, serangan yang paling ganas terhadap pembela tanah Bumiputera telah berlaku di Sarawak, negeri yang kaya dengan sumber semula jadi. Pertubuhan antarabangsa, termasuk Global Witness, menganggarkan bahawa hutan hujan utama negeri pada masa ini hanya tinggal kurang daripada 10%, sementara tanah selebihnya tertakluk kepada pembalakan terpilih, atau pembangunan ladang, yang kebanyakannya kelapa sawit, sejak industri perhutanan bermula pada tahun 1950-an. Daripada liputan hutan asli dengan keluasan kira-kira 10 juta hektar, sekarang dianggarkan kurang daripada 1 juta hektar hutan dara lagi yang tinggal.⁵⁹

Dari 1963 hingga 2014, Ketua Menteri Sarawak ialah Abdul Taib Mahmud. Beliau seorang wakil gabungan Barisan Nasional, yang merupakan kerajaan pemerintah Malaysia sehingga baru-baru ini. Encik Taib meletak jawatan pada tahun 2014 pada usia 77 tahun selepas memerintah negeri tersebut selama lebih dari 50 tahun. Walau bagaimanapun, beliau kemudiannya memegang jawatan sebagai Yang di-Pertua Negeri (Ketua Negeri). Bekas Ketua Menteri dan keluarganya telah dituduh dengan dakwaan memperoleh sebahagian besar kekayaan mereka dengan merompak sumber alam semulajadi Sarawak. Mengikuti organisasi penyiasat Global Witness dan Bruno Manser Fund, Ketua Menteri itu sendiri mempunyai kawalan ke atas lesen hutan dan ladang yang telah diberikan dengan cara yang mencabuli hak penduduk Orang Asal.⁶⁰

Sarawak adalah tempat tinggal sejumlah besar penduduk Orang Asal, kumpulan terbesarnya adalah kumpulan Dayak yang membentuk kira-kira 40% penduduk negeri ini. Walau bagaimanapun, terdapat lebih daripada 37 kumpulan dan subkumpulan di negeri ini, termasuk Iban, Murut, Melanau, dan Penan. Kaya dengan sumber hutan dan semula jadi, dan dalam konteks pemerintahan autokratik ini, Sarawak terus menyaksikan ancaman dan cabaran yang dialami oleh pembela tanah Bumiputera di dalam negara.

⁵⁸ Temu bual dengan Amnesty International, Miri, 29 Julai 2017

⁵⁹ Lihat contoh, Global Witness, “Sarawak’s Forests; Myths and Reality”, 2011 ms.1
<https://www.globalwitness.org/sites/default/files/library/Sarawak%20myths%20and%20reality.doc.pdf>

⁶⁰ Lihat contoh, Al Jazeera, “Undercover Sting Exposes Malaysia Land-Grab”, 19 Mac 2018, <https://www.aljazeera.com/indepth/features/2013/03/2013318131755948174.html>; The Economist, “Rumbles in the Jungle”, 5 Mei 2016, www.economist.com/asia/2016/05/05/rumbles-in-the-jungle; Bruno Manser Fund, “Malaysian anti-corruption urged to reopen Sarawak corruption probe”, 5 Mei 2018; Global Witness, “Inside Malaysia’s Shadow State”, 19 Mac 2013

5.2 INDIVIDU-INDIVIDU YANG DIGAMBARKAN SEBAGAI ‘SAMSENG’

Amnesty International menemubual 17 pembela tanah di Sarawak yang menyatakan bahawa penduduk Orang Asal telah berhadapan dengan ancaman di tangan individu-individu yang berkonfrontasi dengan dan mengganggu penduduk kampung yang ingin mempertahankan tanah mereka.⁶¹ Konfrontasi dan gangguan terhadap ahli komuniti Orang Asal oleh individu-individu tersebut telah mendorong aktivis, peguam dan pembela tanah adat untuk merujuk mereka sebagai ‘samseng’ kerana pendekatan mereka yang lazimnya ganas dan mengancam.

Huraian mengenai rupa dan aktiviti individu-individu yang digambarkan sebagai samseng oleh para peserta temu bual Amnesty mempunyai persamaan dalam setiap kes. Individu-individu ini digambarkan sebagai memakai pakaian biasa dan kadang-kadang dengan wajah tertutup, muncul tiba-tiba di Tanah Bumiputera atau di sekitarnya untuk berkonfrontasi dengan ahli komuniti Orang Asal dan mengancam mereka dengan pedang, parang atau senjata api, adakalanya menyerang komuniti Orang Asal secara ganas.

Dalam enam contoh, Amnesty International mendapat tahu bahawa individu-individu yang digambarkan sebagai samseng telah mengeluarkan ancaman secara lisan terhadap komuniti Orang Asal yang menentang projek atau menyertai semasa halangan dibuat. Dalam lima kes, Amnesty International mengumpulkan testimoni saksi yang mendakwa bahawa individu-individu tersebut menyasarkan ketua kampung atau aktivis melalui keganasan fizikal yang membawa kepada kecederaan dan juga kematian.

5.3 SERANGAN FIZIKAL

““Saya rebah ke lutut, mereka menyerang saya dengan pemegang cangkul, dan menggunakan [pedang] samurai. Mereka memukul saya berkali-kali. Kemudian mereka cabut lari.”

Surik anak Muntai, aktivis penduduk Orang Asal Sarawak⁶²

Pembela hak asasi manusia yang bercakap dengan Amnesty International menceritakan bagaimana individu-individu yang digambarkan sebagai samseng muncul ketika pertikaian bertambah sengit. Di Serian, Sarawak, 16 komuniti Orang Asal Iban berjuang menuntut hak tanah tempat tinggal mereka.



SURIK ANAK MUNTAI MELIKIN

Pada bulan Mac 2013, Surik anak Muntai seorang aktivis Iban yang berumur 71 tahun dari Melikin, Serian, sedang menuju ke perhentian bas untuk menunggu cucunya pulang dari sekolah selepas menghantar buah kelapa sawitnya ke kilang. Beliau menceritakan bagaimana empat lelaki mendatangnya dan mula menyerangnya dengan senjata.

Beliau memberitahu Amnesty International:

“Saya rebah ke lutut, mereka menyerang saya dengan pemegang cangkul, dan menggunakan [pedang] samurai. Mereka memukul saya berkali-kali. Kemudian mereka cabut lari.”⁶³

⁶¹ Temu bual dengan Amnesty International, Sarawak, 28-30 Julai 2017. Lihat juga contoh, Free Malaysia Today, “Clashes between gangsters and natives”, 20 Julai 2011, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2011/02/20/near-clashes-between-gangsters-and-natives/>; SUARAM, Laporan Hak Asasi Manusia Malaysia 2016: Civil and Political Rights, 2017 ms. 190

⁶² Temu bual dengan Amnesty International, Miri, 29 Julai 2017

⁶³ Temu bual dengan Amnesty International, Kuching, 28 Julai 2017

Muntai memberitahu seorang penyidik Amnesty bahawa beliau mengalami luka di wajah, lengan, dan badannya, sambil menunjukkan bekas luka akibat daripada serangan tersebut dan dokumen yang mengesahkan beliau dimasukkan ke hospital selama 3 bulan. Meskipun laporan polis dibuat tentang serangan itu, dan mendakwa bahawa beliau telah melihat wajah penyerang utamanya, individu yang dikenal pasti kepada polis dibebaskan dan tidak dituduh, tiga hari selepas kejadian itu.⁶⁴ Tiada tindakan lanjut telah diambil.

"Polis tidak melakukan apa-apa. Mereka cuba mensabotaj (kes itu). Mereka tidak akan memeriksanya," kata Muntai.

"Tiga kali pihak polis menggunakan alasan bahawa mereka kehilangan fail."

Laporan media menyatakan bahawa pihak polis tidak dapat mengenal pasti siapakah penyerang-penyerang tersebut.⁶⁵

Biarpun dengan pengalaman pahit tersebut, dan usianya, Muntai bersumpah akan terus berjuang untuk tanahnya.

Saya tidak akan berhenti mempertahankan hak saya ke atas tanah ini - kami bergantung kepada tanah hutan ini untuk generasi masa hadapan - tanpa tanah, tiada kehidupan. Saya tidak takut, saya bersedia berjuang untuk tanah ini sepanjang hidup saya."



 Buah kelapa sawit di atas tanah yang dipertikaikan, Bekelit, Sarawak, Julai 2017 © Amnesty International

Michael Luang, pemimpin komuniti lain dari Melikin, menceritakan serba sedikit tentang latar belakang pertikaian tersebut.

"Kami mendapati pada bulan November 2011 bahawa pajakan sementara telah diberikan apabila kami melihat pekerja-pekerja tukang batu tiba. Apabila mereka datang, kami bercakap dengan tukang tersebut, mungkin seorang kontraktor syarikat sama ada untuk membangun atau memusnahkan tanah kami. Sejak itu, kami diberitahu bahawa syarikat yang bertanggungjawab telah diberikan lesen sementara.

Michael Luang menjelaskan bahawa ada satu ketika, keretanya telah dibakar. Beliau juga menjelaskan bahawa keputusan berhubung tuntutan ke atas tanah tersebut telah dikeluarkan pada 10 Julai 2017. Mahkamah Tinggi Miri memutuskan bahawa dua syarikat yang mempunyai lesen sementara itu berhak

⁶⁴ Temu bual dengan Amnesty International, Kuching, 28 Julai 2017. Lihat juga Malaysia Today, "Sarawak NCR Defender's Attacker Walks Free", 26 Mac 2013; Malaysiakini, "Attacker of Sarawak NCR defender walks free", 25 Mac 2013

⁶⁵ Lihat contoh: Borneo Post, "Villagers Living in Fear of Gangsters", 5 November 2013

untuk membangunkan tanah tersebut. Keputusan dibuat berdasarkan penghakiman mahkamah Persekutuan dalam kes TR Sandah pada 2017, yang mempunyai kesan yang meluas ke atas kes-kes tuntutan tanah yang mengambil masa yang lama di Sarawak. Ada 16 komuniti yang cuba menuntut hak untuk tanah seluas 12,500 hektar lebih, tetapi hakim, merujuk kepada penghakiman TR Sandah, memutuskan bahawa masyarakat telah gagal untuk mengemukakan bukti yang cukup untuk menuntut hak tanah.⁶⁶ Walaupun demikian, Luang juga berjanji bahawa beliau dan komunitinya akan terus memperjuangkan tanah mereka.

"Pokok-pokok, tanah, sungai adalah kepunyaan kami. Saya dilahirkan di sana dan mencari makanan di sana. Tanah itu adalah pasar kami dan juga bank kami - kami tidak boleh berpisah daripada tanah kami."⁶⁷

Dalam kes yang berasingan, pertikaian tanah komuniti Sungai Bekelit yang berterusan pernah dipampang di muka akhbar utama negara.



JAMBAI ANAK JALI SUNGAI BEKELIT



Jambai anak Jali berdiri di luar halangan yang diawasi 24 jam sehari untuk melindungi tanah pusaka, Bekelit, Julai 2017 © Amnesty International

"Kami tidak dapat menuai buah kelapa sawit di ladang kami dan telah mengalami kerugian komersial."⁶⁸

Tuai Rumah (Ketua Kampung) Jambai Jali,⁶⁹ pemimpin ketua kaum Iban di Sungai Bekelit, memberitahu Amnesty International.

Tuai Rumah Jambai dan ahli komuniti lain menjelaskan bagaimana mereka mengetahui bahawa pihak berkuasa mengeluarkan pajakan sementara untuk sebuah ladang kelapa sawit di sebuah kawasan yang dianggap oleh komuniti tersebut sebagai tanah pusaka mereka. Pada tahun 2008, komuniti telah membuat aduan kepada Mahkamah Tinggi. Selepas mereka kalah kes mereka pada tahun 2013, intimidasi mula

⁶⁶ Luang Anak Entiyang & Ors lwn United Teamtrade Sdn Bhd & Ors. [2017] MLJU 1631.

⁶⁷ Temu bual dengan Amnesty International, Kuching, 28 Julai 2017

⁶⁸ Temu bual dengan Amnesty International, Bekelit, Sarawak, 30 Julai 2017

⁶⁹ Menurut Tuai Rumah Jambai, walaupun beliau bukan ketua rasmi sejak 2014, sekurang-kurangnya 30 buah keluarga di Sungai Bekelit menganggap Jambai sebagai ketua mereka, dan bukannya individu yang diiktiraf ketua secara rasmi oleh pihak berkuasa

menjadi lebih teruk. Pada masa ini komuniti telah mendirikan beberapa siri halangan untuk menghalang syarikat daripada memasuki tanah tersebut.

Pada bulan Disember 2014, apabila rundingan gagal, sekurang-kurangnya 80 anggota polis datang ke komuniti tersebut untuk merobohkan halangan-halangan tersebut. Mereka telah menahan ahli-ahli komuniti tersebut, dan memusnahkan halangan dan piring - iaitu barangan upacara agama untuk tujuan perlindungan, yang telah dibina.⁷⁰

Ahli-ahli komuniti yang telah bercakap dengan Amnesty International, seolah-olah sangat terganggu oleh pemusnahan piring tersebut –

"Perbuatan itu sudah keterlaluan, ini adalah salah satu tradisi dalam budaya Dayak - apabila piring dibina, anda perlu menunjukkan rasa hormat - anda tidak boleh melampaui (atau memusnahkannya)." ⁷¹

Dua minggu kemudian, individu-individu yang digambarkan sebagai samseng oleh penduduk yang ditemubual tiba dalam kereta polis semasa halangan tersebut, jelas seorang lagi pemimpin kampung. Apabila penduduk kampung menyedari siapa mereka, mereka terus menghalang jalan raya. Pada minggu berikutnya, mereka membina lebih banyak halangan kekal, dengan 30 orang berkawal pada setiap masa. Dalam tempoh ini, individu-individu yang digambarkan sebagai samseng terus datang membuat ancaman. Sekurang-kurangnya sekali, mereka datang dengan bersenjata pistol dan pedang, namun bilangan orang dalam komuniti telah melebihi bilangan mereka. Selepas rundingan lanjut tidak berjaya, tiga ketua rumah panjang diganggu melalui panggilan telefon, jelas pemimpin kampung.⁷²

Bibi anak Unding menggambarkan bagaimana peristiwa itu menjadi semakin teruk:

"Pada 22 Disember 2014, insiden pertama berlaku - kereta Jambai dibakar.

"Pada 22 Mac 2015, rumah kami dibakar. Ia terletak berhampiran lapangan terbang. Rumah itu kosong, dan jiran tetangga berjaya memadamkan api.

"Pada 26 November 2015, selepas berurusan di bank, kami diekori oleh dua samseng.. Ketika kami tiba di sebuah jejambat, sebuah kereta menghalang kami di hadapan, dan sebuah kereta lagi menahan kami di bahagian belakang. Mereka cuba menyekat perjalanan kami. Kami terus memandu dan berpatah balik ke ibu pejabat polis. Di saat itulah kami dilanggar dari belakang sehingga kereta kami terbalik. Selepas kereta kami terbalik, kesemua samseng itu mula merosakkan kereta kami. Kami diserang dan tercedera." ⁷³

⁷⁰ Temu bual dengan Amnesty International, Bekelit, Sarawak, 30 Julai 2017. Lihat juga: Sarawak Report, "Miri Police Chief disregards Iban adat and demolishes 'piring' and blockade", 3 Februari 2015 <http://www.sarawakreport.org/campaign/miri-police-chief-disregards-iban-adat-and-proceeded-to-demolish-piring-and-blockade/>

⁷¹ Temu bual dengan Amnesty International, Bekelit, Sarawak, 30 Julai 2017

⁷² Temu bual dengan Amnesty International, Bekelit, Sarawak, 30 Julai 2017

⁷³ Temu bual dengan Amnesty International, Bekelit, Sarawak, 30 Julai 2017

Tuai Rumah Jambai telah ditumbuk, ditendang dan diceritakan dengan pedang samurai. Orang yang tidak dikenali yang lalu di kawasan kejadian segera menghubungi perkhidmatan perubatan.



Rumah panjang komuniti Bekelit, Bekelit, Sarawak, Julai 2017 © Amnesty International

Walau bagaimanapun, pengalaman pahit mereka belum berakhir. Menurut Bibi anak Unding, tiga hari selepas Jambai keluar dari rumah sakit, individu-individu yang digambarkan sebagai samseng datang ke rumah pada waktu malam. Tiga orang bertopeng keluar dari kereta dan mengelilingi rumah. Apabila penduduk kampung melihatnya, mereka berkumpul bersama, dan memanggil Bill Kayong, ketua PEDAS, sebuah inisiatif tindak balas komuniti yang bekerja untuk mengendali isu hak tanah, dan juga pihak polis. Mereka yang bertiga itu beredar meninggalkan rumah tersebut, tetapi komuniti tetap berada di rumah tersebut sehingga jam 4.00 atau 5.00 pagi.

Menurut Bibi anak Unding, pihak polis bertanya sama ada mereka mengenali individu-individu yang telah datang dan mencadangkan mereka membuat laporan polis pada waktu pagi. Komuniti tersebut telah merujuk semua insiden yang telah berlaku kepada pihak polis. Selepas miring mereka dirobahkan, mereka memfail lapan laporan polis, namun tiada penangkapan dibuat.

Tujuh bulan kemudian, pejuang mereka Bill Kayong ditembak mati di pusat bandar Miri. Komuniti Bekelit meneruskan perjuangan menuntut hak ke atas tanah adat mereka.



 Sebuah "Piring" – persembahan makanan yang merupakan sebahagian daripada upacara perlindungan beradat Orang Asal yang dibina oleh komuniti Bekelit dengan mengantungkan halangan untuk melindungi tanah mereka. Beberapa Piring telah dimusnahkan oleh pihak polis di lokasi lain sebelum ini, Bekelit, Sarawak, Julai 2017 © Amnesty International

MIRING

Miring, upacara perlindungan Dayak adalah suatu upacara untuk roh dan tuhan untuk menerima berkat, atau perlindungan daripada ancaman. Sebuah miring dijalankan sebagai sebahagian daripada suatu perayaan, seperti Gawai Dayak, tetapi juga selepas kejadian bencana, atau apabila nasib buruk menimpa komuniti.

Semasa penyelidikan untuk laporan ini, beberapa komuniti Dayak yang ditemubual Amnesty International telah menjalankan miring, dan meninggalkan piring (persembahan makanan, sebahagian daripada upacara miring) di halangan-halangan yang mempertahankan tanah mereka. Pemusnahan piring dianggap tabu.

5.4 PEMBUNUHAN

“Bill adalah seorang yang benar-benar berkesedaran sosial dan setiap kali ada yang memerlukan bantuan, beliau bersedia membantu dengan segera. Beliau sangat berani, dan akan memberi keutamaan kepada keselamatan orang lain terlebih dahulu sebelum dirinya sendiri..”

Saudara Bill Kayong berbicara tentang beliau yang merupakan seorang aktivis yang ditembak mati di pusat bandar Miripada Jun 2016⁷⁴



BILL KAYONG
MIRI



 Ahli keluarga Bill sedang memegang sepanduk gambar Bill Kayong, Miri, Sarawak, Julai 2017 © Amnesty International

Pada pagi 21 Jun 2016 di Miri Sarawak, Bill Kayong yang berumur 43 tahun, berjalan ke tempat kerja seperti biasa. Sekitar jam 8.00 pagi, sementara Bill sedang menunggu di persimpangan dengan kenderaan

⁷⁴ Temu bual dengan Amnesty International, Miri, 29 Julai 2017

traknya, seorang lelaki bersenjata menunggang motosikal melepaskan dua das tembakan melalui tingkapnya, dan telah membunuh Bill dengan serta-merta.

*"Hari itu hari biasa, dia bertolak dari rumah untuk ke tempat bekerja. Hanya apabila isterinya mendapat panggilan baru kami tahu dia telah ditembak di lampu isyarat tidak jauh dari rumah. Apabila saya mula-mula mendengarnya saya tidak mempercayainya,"*⁷⁵ imbas adik bongsunya Davy Kayong.

Bill adalah setiausaha politik Ahli Parlimen Miri Dr Michael Teo, serta setiausaha PEDAS, inisiatif akar umbi bagi orang Dayak yang bekerja sebagai rangkaian dan menggerakkan komuniti sekiranya berlaku pertikaian. Bill dikenali dalam kalangan komuniti Orang Asal yang merujuk kepadanya tentang apa yang perlu dilakukan seterusnya apabila mereka terlibat dalam pertikaian tanah.

Secara khususnya, Bill merupakan seorang penyokong bersuara lantang untuk masyarakat Dayak di Bekelit, sekitar dua jam perjalanan dari Miri.

"Antara semua isu yang dihadapi, salah satu yang paling panas adalah isu di Bekelit - beliau telah menghadapi banyak ancaman semasa melaksanakan tanggung jawabnya ... Walaupun kami semua telah menasihatinya untuk tidak terlibat, beliau terus tegas dalam kepercayaannya dan beliau hanya mengatakan bahawa 'perjuangan itu mesti diteruskan,'" kata Davy Kayong.

Seorang lagi ahli keluarga menyifatkan Bill seperti berikut:

*"Bill adalah seorang yang benar-benar berkesedaran sosial, dan setiap kali ada yang memerlukan bantuan, beliau bersedia membantu dengan segera. Beliau sangat berani, dan akan memberi keutamaan kepada keselamatan orang lain terlebih dahulu sebelum dirinya sendiri.."*⁷⁶

Davy Kayong, bersama ahli keluarga Bill lain, memberitahu Amnesty International bahawa ancaman terhadap Bill – di mana beliau telah memfailkan laporan polis banyak kali - semakin meningkat sebelum kematiannya.

"Dia diugut dengan pelbagai ancaman antaranya: dia akan dibunuh, keluarganya akan berada dalam bahaya. Dia akan mematikan panggilan itu, tetapi lelaki itu akan tetap terus memanggil ... " kata Davy. " ... Bill telah memfailkan banyak laporan polis. Saya benar-benar tidak berpuas hati dengan cara pihak polis mengendalikan kes itu dan saya percaya jika pihak polis melakukan tugas mereka secara efektif dan tepat pada masanya adik saya mungkin masih hidup. Cara polis mengendalikan kes itu adalah mereka akan mencatatkan laporan itu, [tetapi] tiada apa yang dilakukan, tiada tindakan diambil.

Pada November 2016, tiga lelaki ditangkap dan didakwa atas pembunuhan Bill. Pada bulan Januari 2017, suspek utama dalam kes itu, ditangkap di Wilayah Fujian, China, selepas pemburuan suspek yang membabitkan beberapa negara.⁷⁷ Mereka dituduh mendalangi pembunuhan itu. Pihak polis pula dengan jelas menyatakan bahawa mereka ingat mereka telah menemui pelaku-pelaku tersebut.⁷⁸

Enam bulan kemudiannya, Mahkamah Tinggi Miri membebaskan tiga daripada empat orang yang dituduh dan hanya seorang daripada mereka, yang dikenali sebagai Fitri, dibicarakan. Menurut hakim Mahkamah Tinggi, bukti-bukti yang menghubungkan pelaku lain dengan jenayah tersebut didapati tidak mencukupi. Ketiga-tiga mereka dibebaskan dengan segera.

Davy Kayong memberitahu Amnesty International:

*"Pada mulanya saya yakin (dengan cara penyiasatan yang dilakukan). Pada mulanya 40 saksi dipanggil, tetapi hanya separuh sahaja yang dipanggil. Orang-orang yang mereka gagal hubungi merupakan saksi-saksi terdekat dengan maklumat penting untuk kes itu. Keluarga, kehidupan dan keselamatan peribadi saya berada dalam risiko."*⁷⁹

Pada 10 Ogos 2018, Fitri didapati bersalah kerana telah melepaskan tembakan sehingga membunuh Bill Kayong dan dihukum mati oleh Mahkamah Tinggi. Kesalahan membunuh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan membawa hukuman mati mandatori. Baru-baru ini kerajaan Malaysia telah mengumumkan

⁷⁵ Temu bual dengan Amnesty International, 29 Julai 2017.

⁷⁶ Temu bual dengan Amnesty International, Miri, 29 Julai 2017

⁷⁷ Temu bual dengan Amnesty International, Miri, 29 Julai 2017, Lihat juga The Star, "Bill Kayong Murder Mastermind Arrested", 13 Disember 2016, <https://www.thestar.com.my/news/nation/2016/12/13/bill-kayong-murder-mastermind-arrested/>; Adit, Gary, "Principal Suspect Caught", Borneo Post <http://www.theborneopost.com/2016/12/14/principal-suspect-caught/> ;

⁷⁸ Lihat contoh, Borneo Today, "Alleged Mastermind Nabbed Hiding in China", 14 Disember 2016, <https://www.borneotoday.net/alleged-mastermind-behind-bill-kayong-murder-nabbed-hiding-in-china/>;

⁷⁹ Temu bual dengan Amnesty International, Miri, 29 Julai 2017

bahawa mereka berhasrat untuk menghapuskan hukuman ini. Amnesty International menentang penggunaan hukuman mati dalam semua keadaan, tidak kira apa sahaja jenayah.

Pada masa ini keluarga Bill memohon Peguam Negara untuk membuka semula kes itu.⁸⁰

Hampir semua pembela dari Miri yang bercakap dengan Amnesty International telah menyatakan bahawa mereka menjadi lebih bimbang akan keselamatan diri selepas pembunuhan Bill Kayong. Rasa takut ini juga membawa kepada suasana di mana pembela menjadi lebih teragak-agak untuk bersuara. Beberapa pembela di Sarawak yang telah bercakap dengan Amnesty International meminta identiti mereka dirahsiakan. Yang lain menyatakan kebimbangan mengenai tindak balas, dan tidak percaya bahawa polis akan melindungi mereka.

*"Orang ramai rasa takut, lebih mendiamkan diri. Tidak ramai penduduk turun padang [untuk menyiasat penganiayaan], tidak ramai orang yang membuat kenyataan, dan tidak ramai individu profesional yang ingin keluar [untuk menyokong penduduk yang diancam] - peguam, contohnya. Kami bimbang untuk masa depan,"*⁸¹ Dennis Along, seorang aktivis untuk komuniti Tring memberitahu Amnesty International.

Di tempat lain di negara ini, Amnesty International mendengar testimoni mereka yang lain tentang serangan oleh individu-individu yang digambarkan oleh penduduk yang ditemu bual sebagai 'samseng', walaupun mereka bukan sama seperti yang ada di Sarawak.

*"Dua ratus samseng [cuba] menakutkan kami,"*⁸² kata seorang pemimpin Orang Asal dari Sabah, yang berusaha melindungi tanah mereka dari konsesi pembalakan.

Mustafa Along, seorang pemimpin aktivis komuniti Temiar Gua Musang di Kelantan, menyatakan bahawa orang yang bersenjatakan parang muncul semasa sekatan (blockade) tersebut. Orang-orang ini mengancam keselamatan komunitinya dan menjadi satu cabaran bagi mereka. Pada Julai 2018, komuniti ini telah membuat laporan polis dan mendakwa bahawa ancaman-ancaman daripada individu-individu yang digambarkan sebagai samseng semakin menjadi-jadi selepas pertikaian menjadi teruk semula.⁸³

INDIVIDU-INDIVIDU YANG BERTANGGUNGJAWAB

Amnesty International telah mendokumentasikan satu kes sahaja, iaitu pembunuhan Bill Kayong, di mana terdapat individu-individu yang bertanggungjawab mengancam, menakutkan dan berlaku ganas terhadap anggota komuniti Orang Asal yang mempertahankan tanah mereka, atau pihak-pihak yang membantu mereka. Sejak pembunuhan Bill Kayong, organisasi hak asasi manusia tempatan, SUARAM telah mendokumentasikan pelbagai kejadian intimidasi yang lebih lanjut dan melaporkan bahawa anggota komuniti mengelak daripada melaporkan kejadian-kejadian tersebut kepada pihak polis kerana mereka takut sekiranya akan ada tindak balas.⁸⁴

Sepuluh pembela hak asasi manusia yang ditemu bual oleh Amnesty International berkata, mereka percaya tindakan individu-individu yang digambarkan sebagai samseng telah diabaikan oleh polis, atau dengan pengetahuan atau persetujuan mereka. Tuai Rumah Jambai berkongsi bahawa individu-individu yang digambarkan sebagai samseng telah muncul dengan menggunakan kenderaan yang kelihatan seperti kereta polis, yang membuatkan penduduk kampung pada mulanya percaya bahawa mereka sememangnya anggota polis.⁸⁵

Pengecualian daripada hukuman akibat menyerang pembela hak asasi manusia menghantar sebuah mesej bahawa tiada hukuman dikenakan ke atas individu-individu yang bertanggung jawab melakukan jenayah.

⁸⁰ Mahadi, Nora, "PKR Trying to get Bill Kayong Murder Case Re-examined", Borneo Post, 24 Jun 2018 <http://www.theborneopost.com/2018/06/24/pkr-trying-to-get-bill-kayong-murder-case-re-examined/>

⁸¹ Temu bual dengan Amnesty International, Miri, 29 Julai 2017

⁸² Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

⁸³ Lihat contoh, MalayMail online, "Temiar people up in arms again, this time against Musang King, rubber planters", 30 Julai 2018 <https://www.malaymail.com/s/1657509/temiar-people-up-in-arms-again-this-time-against-musang-king-rubber-planter>

⁸⁴ SUARAM, Human Rights Report 2016: Civil and Political Rights, 2017 ms. 195; Human Rights Report 2017: ms.107-112

⁸⁵ Temu bual dengan Amnesty International, Bekelit, 30 Julai 2017

Pihak berkuasa Sarawak mengakui kebimbangan bahawa tindakan keganasan telah dilakukan oleh individu-individu yang digambarkan sebagai samseng, walau bagaimanapun mereka hanya menyalahkan syarikat semata-mata.

"Sarawak harus memandang serius dan tegas [terhadap individu-individu yang digambarkan sebagai samseng] dan benar-benar menghentikan perbuatan mereka. Sekiranya tidak, masalah gangsterisme di kawasan perladangan tidak akan berakhir. Ia akan kekal berterusan,"⁸⁶ James Masing, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, pada Oktober 2016. Seterusnya, beliau menyatakan bahawa lesen syarikat-syarikat yang didapati mengupah individu-individu yang digambarkan sebagai samseng akan dibatalkan.⁸⁷ Lebih daripada dua tahun selepas kenyataan ini, para peguam yang bekerja untuk kes-kes gangguan yang berkaitan dengan pembela hak tanah Orang Asal mendakwa bahawa tidak ada satu pun syarikat yang telah disiasat, apatah lagi lesen mereka dibatalkan atas alasan ini.



KEWAJIPAN KERAJAAN MALAYSIA BERKENAAN PIHAK KETIGA DAN SYARIKAT

Menurut Prinsip Panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, "Kerajaan harus memberi perlindungan daripada penyalahgunaan hak asasi manusia di dalam wilayah dan/atau bidang kuasa mereka oleh pihak ketiga, termasuk perniagaan. Ini memerlukan langkah-langkah wajar untuk mencegah, menyiasat, menghukum dan memulihkan penyalahgunaan melalui dasar, undang-undang, peraturan dan penghakiman

yang efektif. "

Kerajaan harus menyatakan secara jelas jangkaan bahawa semua perusahaan perniagaan yang bermastautin di wilayah dan/atau bidang kuasa mereka menghormati hak asasi manusia sepanjang beroperasi.

Dalam memenuhi kewajipan mereka untuk memberi perlindungan, kerajaan harus:

- (a) Menguatkuasakan undang-undang yang bertujuan, atau mempunyai kesan, yang memerlukan perusahaan perniagaan menghormati hak asasi manusia, dan secara berkala menilai kecukupan undang-undang tersebut dan menangani apa-apa kekurangan;
- (b) Memastikan undang-undang dan dasar lain yang mentadbir penciptaan dan pengendalian perusahaan perniagaan yang sedang berjalan, seperti undang-undang korporat, tidak menghalang tetapi membolehkan perniagaan menghormati hak asasi manusia;
- (c) Memberi panduan yang efektif kepada perusahaan perniagaan mengenai cara menghormati hak asasi manusia sepanjang operasi mereka;
- (d) Menggalakan, dan di mana perlu, meminta perusahaan perniagaan untuk menceritakan bagaimana mereka memberi impak kepada hak asasi manusia"⁸⁸

Dalam situasi di mana syarikat-syarikat berunding secara langsung dengan Orang Asal untuk mendapatkan persetujuan mereka untuk projek-projek, ini tidak membebaskan kerajaan daripada kewajipannya untuk memastikan bahawa proses tersebut mematuhi undang-undang hak asasi manusia antarabangsa. "Kerajaan tetap bertanggungjawab sepenuhnya atas sebarang kekurangan dalam prosedur perundingan atau rundingan dan oleh itu harus mengambil langkah-langkah untuk mengawasi dan menilai prosedur dan hasilnya, khususnya untuk mengurangkan ketidakseimbangan kuasa antara perusahaan dan komuniti Orang Asal yang berunding dengan mereka."⁸⁹

⁸⁶ Press Release, Borneo Post, "Suspend Firms that Hire Thugs", 27 Oktober 2016 <http://www.theborneopost.com/2016/10/27/suspend-firms-that-hire-thugs/> ;

Borneo Today, "Companies hiring gangsters a police matter," 25 November 2016 <https://www.borneotoday.net/companies-hiring-gangsters-a-police-matter-sarawak-state-assembly-told/>

⁸⁸ A/HRC/5 Protect, Respect and Remedy: a Framework for Business and Human Rights, Human Rights Council, 7 April 2008, <https://www.business-humanrights.org/sites/default/files/reports-and-materials/Ruggie-report-7-Apr-2008.pdf>

⁸⁹ Majlis Hak Asasi Manusia PBB: Laporan Pelapor Khas mengenai hak penduduk Orang Asli/Asal, James Anaya: Extractive industries and Indigenous peoples (1 Julai 2013), A/HRC/24/41, Para. 62.

6. PENANGKAPAN DAN PENYIASATAN

“Apabila kami bertanya apakah pertuduhan terhadap kami, mereka tidak dapat memberi kami jawapan.”

Mustafa Along, aktivis Gua Musang⁹⁰

Temu bual Amnesty International mendedahkan bahawa ketua kampung, aktivis, dan wartawan telah berhadapan dengan ancaman penangkapan dan siasatan oleh pihak polis berikutan kegiatan mereka mempertahankan hak tanah penduduk Orang Asal secara aman. Penangkapan dan penyiasatan sedemikian berlaku di seluruh negara dan bertujuan untuk mendiamkan dan menakut-nakutkan komuniti dan pembela hak asasi manusia. Walaupun terdapat hanya beberapa orang di antara yang ditemubual oleh Amnesty International telah didakwa secara rasmi, sekurang-kurangnya 20 orang pernah berada dalam tahanan polis, yang telah ditahan beberapa kali, atau diiringi ke balai polis untuk disoal siasat berhubung peranan mereka dalam kegiatan-kegiatan protes.

Undang-undang hak asasi antarabangsa menghendaki Malaysia memastikan Orang Asal memberikan persetujuan bebas serta maklumat awal sebelum apa-apa tindakan yang melibatkan tanah pusaka mereka dibuat. Pihak berkuasa Malaysia juga perlu melindungi mereka yang melaksanakan hak kebebasan bersuara dan berkumpul secara aman dan bukannya menangkap atau menahan mereka.

6.1 PENANGKAPAN

“Kami tidak bersalah. Kami cuma mempertahankan hak tanah kami.”

Najib, Ketua komuniti, Pos Piah, Perak ⁹¹

Lima belas orang pembela hak asasi manusia yang ditemuramah oleh Amnesty International berkata mereka telah ditangkap sekurang-kurangnya sekali semasa dalam perjalanan ke tempat kerja mereka kerana mempertahankan tuntutan mereka untuk tanah Bumiputera.

Banyak daripada penangkapan ini telah berlaku semasa halangan dilakukan, suatu tindakan langsung yang digunakan untuk menghentikan syarikat-syarikat pembalakan atau jentera daripada memasuki tanah yang dipertikaikan. Komuniti telah membuat halangan fizikal untuk menghalang syarikat-syarikat daripada mengakses tanah mereka melalui jalan raya, seringkali dengan membina tempat perlindungan sementara dan bekerja mengikut syif untuk memastikan 'halangan tersebut' dipertahankan dua puluh empat jam sehari.

⁹⁰ Temu bual dengan Amnesty International, Gua Musang, Kelantan, 1 Ogos 2017

⁹¹ Temu bual dengan Amnesty International, Perak, 4 Januari 2018

Halangan (blockade) telah menjadi salah satu alternatif terakhir bagi komuniti Orang Asli yang mengharapkan suara mereka didengar, khususnya dalam keadaan di mana mereka menghadapi halangan untuk mengiktiraf hak mereka untuk tanah pusaka melalui mahkamah, termasuk kos, proses undang-undang yang lama, ketersediaan terhad peguam, dan pengiktirafan tanah pusaka yang tidak mencukupi.

Sejak 2011, komuniti Gua Musang (yang merupakan sebahagian daripada Orang Asli Temiar) di Kelantan telah membina halangan beberapa kali, serta membinanya semula setiap kali selepas syarikat, Jabatan Perhutanan atau polis merobohkannya. Walaupun telah dijanjikan resolusi berkali-kali,⁹² perjuangan mereka diteruskan. Perjuangan mereka yang semakin sukar dan tindak balas negatif kerajaan sejak dua tahun yang lalu, termasuk penangkapan besar-besaran anggota komuniti, telah menarik perhatian masyarakat nasional.



MUSTAFA ALONG
GUA MUSANG, KELANTAN



↑ *Pemimpin komuniti Mustafa Along, ditahan dengan lebih daripada 50 yang lain berikutan membina halangan pada 2016 dan 2017. Gua Musang, Kelantan, Ogos 2017 © Amnesty International*

"Pada akhir tahun 2011, kami telah membina halangan-halangan untuk menyekat pembalakan, perlombongan, pencerobohan secara individu dan penebangan hutan," jelas Mustafa Along, Setiausaha Rangkaian Orang Asli Kelantan (JKOAK) dan seorang aktivis Temiar.

"Kami membuat halangan tersebut untuk menghantar sebuah mesej kepada kerajaan Kelantan bahawa hutan itu hutan kami, tanah kami."⁹³

Pada tahun 2011, tujuh kampung di Pos Belatim, Gua Musang mendapat tahu bahawa sebuah pajakan selama 99 tahun telah diberikan ke atas tanah yang mereka anggap sebagai tanah pusaka kepada sebuah syarikat minyak sawit. Ini dilakukan selepas Kerajaan Negeri Kelantan menukar status tanah tersebut daripada hutan rizab - tanah yang harus dipelihara sebagai hutan - kepada 'ladang hutan' yang membolehkan hutan dibersihkan sepenuhnya. Untuk mencabar lesen tersebut, tujuh kampung tersebut memfailkan semakan kehakiman terhadap Kerajaan Negeri Kelantan dan Pentadbir Tanah. Pertikaian undang-undang berlarutan, dan pada tahun-tahun berikutnya, pembalakan terus dilakukan secara berleluasa di kawasan-kawasan yang dituntut dan digunakan oleh Temiar untuk mengumpul hasil-hasil hutan, dan mengumpul ubat-ubatan tradisional. Pada tahun 2012, 13 Orang Asli Temiar

⁹² Lihat contoh, Malaysian Bar, Siaran Akhbar, Januari 2012,

http://www.malaysianbar.org.my/press_statements/press_release_malaysian_bar_deplores_arrest_of_orang_asli_and_lawyer_and_abuse_of_police_powers_in_gua_musang.html

⁹³ Temu bual dengan Amnesty International, Gua Musang, Kelantan, 1 Ogos 2017

ditangkap kerana cuba menghentikan pembalakan daripada memasuki kawasan tanah itu. Turut ditahan ialah peguam mereka, Siti Kasim, yang telah dipisahkan daripada kumpulan semasa penahanannya.⁹⁴

Pada tahun 2016, ketegangan meningkat semula ketika kerajaan memberi hak pertanian dan pembalakan untuk tanah seluas 10,000 hektar, di kawasan tanah di mana Temiar melakukan kegiatan rayau dan tinggal. Komuniti-komuniti tersebut bertindak balas dengan membina halangan selanjutnya.

Pada 29 November 2016, 47 anggota komuniti Gua Musang di salah satu halangan ditangkap dan ditahan dalam operasi yang dijalankan oleh Jabatan Perhutanan, dengan bantuan polis, untuk membongkar halangan mereka dan menyuraikan protes yang aman. Mereka ditahan dalam tahanan selama dua hari, di bawah Kod Enakmen Hutan Negara atas sebab 'menceroboh hutan rizab kekal'; mereka kemudiannya dibebaskan tanpa tuduhan.

*"Bukannya tidak ada bukti, kami tidak melakukan apa-apa jenayah, sebenarnya," kata Mustafa. "Dalam dua hari kami ditahan di penjara, semua kawan-kawan kami berkumpul di balai polis. Para banduan yang lain bertanya sama ada kami telah melakukan rusuhan kerana ada ramai orang."*⁹⁵

Selepas penangkapan itu, ketua polis negeri memberi amaran bahawa mereka akan mengambil tindakan keras terhadap sesiapa yang cuba 'merosakkan imej polis', dengan menyiarkannya ke media sosial.⁹⁶

Pada 17 Januari 2017, satu kumpulan di Pos Balar berjaya mendapatkan keputusan mahkamah terhadap sebuah syarikat pembalakan yang beroperasi di Hutan Simpan di Gua Musang. Biarpun demikian, laporan pada ketika itu jelas menyatakan bahawa Timbalan Menteri Kelantan telah memberikan izin untuk meneruskan pembalakan.⁹⁷

Pada 23 Januari 2017, lima orang pembela ditahan semasa sekatan. Keesokan harinya, 16 lagi aktivis hak asasi manusia Orang Asli dan dua wartawan yang berada di halangan tersebut untuk mendokumentasikan protes komuniti mempertahankan tanah mereka, telah ditahan. **Kesemuanya** dibebaskan tanpa tuduhan dua hari kemudian. Mustafa Along memberitahu Amnesty International:

"Mereka (pihak polis dan Jabatan Perhutanan) menggunakan kekerasan dan polis menggunakan gergaji untuk memisahkan halangan tersebut. Selepas itu sebuah lori maju terus ke depan, jadi komuniti tiada pilihan selain bersurai."

*"Mereka (polis) fikir saya bertanggungjawab, jadi mereka memisahkan saya dari kumpulan. Saya menanya mereka apa jenayah saya tetapi mereka tidak berkata apa-apa. Saya dipisahkan, saya dimasukkan ke dalam kenderaan, kereta itu dikawal oleh polis, pintu terkunci, dan mereka tidak memasang penghawa dingin. Apabila saya bertanya saya dituduh untuk apa mereka tidak dapat memberi jawapan kepada kami."*⁹⁸

Selain daripada penangkapan anggota komuniti, penangkapan dan penahanan dua orang - seorang pemberita, Jules Ong dan juru kamera - Too Chee Kung, yang menghasilkan dokumentari mengenai penebangan hutan dan sedang membuat penggambaran halangan telah mencetuskan bantahan tambahan di dalam negara. Too Chee Kung memberitahu Amnesty International:

*"Kami hanya menjalankan tugas sebagai wartawan. Dalam fikiran saya, saya menganggap mereka (pihak berkuasa) tidak mahu berurusan dengan wartawan ... Mereka menggari saya dan gari itu terlalu ketat. Keesokan harinya, Jabatan Perhutanan datang, mereka mengajukan banyak soalan dan mencuba untuk membabitkan saya, sementara pada waktu yang sama cuba untuk tidak mengendahkan siapa saya dalam konteks penahanan tersebut."*⁹⁹

Sama seperti penduduk kampung lain, Too Chee Kung dan Jules Ong ditangkap pada 24 Januari 2017 dan direman selama dua hari dan kemudian dibebaskan tanpa tuduhan. Kedua-dua lelaki itu ditahan di bawah Seksyen 47(1) Akta Perhutanan Negara yang melarang orang tanpa permit masuk ke rizab hutan

⁹⁴ Lihat contoh, Global Voices, "Malaysia Temiar Blockade and Indigenous Rights", 29 Januari 2012, <https://globalvoices.org/2012/01/29/malaysia-temiar-blockade-and-indigenous-rights/>

⁹⁵ Temu bual dengan Amnesty International, Gua Musang, Kelantan, 1 Ogos 2017

⁹⁶ Lihat contoh, Free Malaysia Today, "Cops warn those who Post Orang Asli Arrests Online", 1 Disember 2016, <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2016/12/01/cops-warn-those-who-post-orang-asli-arrests-online/>

⁹⁷ SUARAM, Laporan Hak Asasi Manusia Malaysia 2016: Civil and Political Rights, 2017

⁹⁸ Temu bual dengan Amnesty International, Gua Musang, Kelantan, 1 Ogos 2017

⁹⁹ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

kekal daripada memasuki hutan tertutup, dengan penalti maksimum denda RM10,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Sebulan selepas pembebasan mereka, tapak web berita dalam talian Malay Mail melaporkan bahawa Jules Ong diberitahu bahawa jika dia dan Too Chee Kung mengaku bersalah dan membayar denda RM1,000, Jabatan Perhutanan Kelantan akan menggugurkan kes terhadap mereka. Kedua-dua wartawan itu menolak, memberitahu para pemberita dalam temubual bahawa menerima tawaran tersebut akan memberikan contoh buruk berhubung hak wartawan untuk melindungi hak tanah dan pertikaian orang Asli/Bumiputera.¹⁰⁰



 ↑ Sebuah kenderaan yang mengangkut kayu balak sedang menunggu di tepi jalan raya. Gua Musang, Kelantan, Julai 2017, © Amnesty International

Penangkapan orang-orang Orang Asli/Asal kerana membina halangan di tanah pusaka mereka yang dibangunkan tanpa persetujuan bebas serta maklumat awal, dan penangkapan wartawan yang menjalankan kerja mereka, adalah salah penggunaan sistem keadilan jenayah yang bertujuan untuk mengganggu komuniti Orang Asli/Asal dan menggertak mereka supaya menghentikan protes mereka, dan wartawan pula supaya berhenti melaporkan tentang pelanggaran undang-undang antarabangsa ini. Kesemua tindakan ini melanggar hak Orang Asli/Asal dan hak wartawan untuk kebebasan bersuara dan perhimpunan aman.

Malaysia diwajibkan di bawah undang-undang antarabangsa untuk menghormati, melindungi, dan memenuhi hak asasi manusia Orang Asli/Asal, termasuk hak untuk memberi persetujuan bebas serta maklumat awal sebelum tindakan diambil yang akan memberi kesan kepada tanah dan hak kebebasan bersuara dan perhimpunan. Semasa perhimpunan aman, seperti halangan atau sekatan, tugas pegawai penguatkuasa undang-undang adalah untuk memudahkan dan tidak membatasi perhimpunan awam yang aman. Keputusan untuk membubarkan sesuatu perhimpunan mesti memenuhi undang-undang domestik dan kewajiban hak asasi manusia antarabangsa. Sekiranya syarat-syarat ini dipenuhi, perintah untuk menyuraikan mestilah dikomunikasikan dengan jelas dan diterangkan, untuk mendapatkan, sejauh mungkin, pemahaman dan pematuhan para penunjuk perasaan. Piawai penguatkuasaan undang-undang antarabangsa memerlukan apa sahaja kuasa cuma boleh digunakan apabila tidak ada cara lain yang tersedia, ia adalah berpadanan dan wajar, dan ia adalah tahap maksimum daya yang diperlukan untuk mencapai objektif yang sah.

¹⁰⁰ Malay Mail Dalam Talian, "Documentary maker: Kelantan Forestry offered to settle case with RM1k fine", 27 Februari 2017, <https://www.malaymail.com/s/1324265/documentary-maker-kelantan-forestry-offered-to-settle-case-with-rm1k-fine>

Amnesty International bimbang penangkapan dan penahanan penunjuk perasaan Gua Musang adalah berat sebelah dan menyalahi undang-undang, dan pada masa itu meminta mereka dilepaskan dengan segera. Amnesty International prihatin dengan kekurangan kemajuan ke arah resolusi yang bermakna untuk pertikaian tanah Gua Musang yang boleh mengakibatkan pergelutan yang berlanjutan antara komuniti dan pihak berkuasa tempatan serta penangkapan, pada masa akan datang.

Pada April 2017, komuniti Pos Belatim menang apabila Mahkamah Tinggi memberi keputusan memerintahkan pemberian tanah kepada Orang Asli, berikutan tuntutan tanah yang telah dibuat sejak 2011. Walau bagaimanapun, kawasan sekitar tanah ini, yang dipertandingkan oleh komuniti Temiar, masih tertakluk kepada pembalakan, perlombongan dan aktiviti lain.

Akibatnya, pada awal tahun 2018, komuniti Gua Musang membina halangan sekali lagi, yang dileraikan, dan dibina semula beberapa kali dalam beberapa bulan berikutnya. Menurut laporan media, pada Ogos 2018, pihak berkuasa cuba untuk meleraikan halangan-halangan menggunakan individu-individu yang digambarkan sebagai samseng yang membawa senjata api ke tapak tersebut dan membuat ancaman keganasan fizikal kepada mereka yang berada di halangan tersebut.

Berikutan beberapa hari yang kecoh akibat pertikaian itu, dan juga liputan media yang tegang, pada 10 Ogos 2018, wakil komuniti menyampaikan memorandum kepada Perdana Menteri Mahathir Mohamed yang bersetuju untuk bertemu dengan mereka. Semasa mesyuarat itu, Perdana Menteri berjanji untuk mencari penyelesaian kepada isu yang berterusan dengan membantu dalam rundingan dengan pihak berkuasa negeri Kelantan, sambil menekankan bahawa isu tanah adalah tanggungjawab kerajaan negeri.

Malangnya, penangkapan tidak terhad kepada halangan. Di Perak, pembela hak asasi manusia telah ditangkap kerana memasuki hutan, dan mempersoalkan pembalakan yang beroperasi di kawasan yang mereka anggap sebagai tanah pusaka mereka.



NAJIB POS PIAH, PERAK



 Najib, (Kiri) dan lapan anggota komuniti yang ditangkap. Pos Piah, Perak, Januari 2018 © Amnesty International

"Kami orang Temiar, kami Orang Asli dan kami telah mengekalkan cara hidup yang sama. Walaupun keadaan telah berubah, kami tetap sama. Kami tidak tinggal di hutan ini selama satu tahun, dua tahun, tetapi setelah sekian banyak generasi. Bagi kami perkara utama adalah tanah. Kami tidak mahu cara pembangunan mereka. Kami tidak selesa dengan perubahan. Kami rasa paling selesa dengan hutan," jelas Najib, seorang pemimpin komuniti Pos Piah, Perak.

"Orang luar ingin mengubah cara hidup kami. Inilah budaya dan agama kami, dan cara kami menyembuhkan orang sakit mengikut cara kami. Hutan ini nyawa kami".

"Kami hanya memahami kampung kami apabila tanahnya tidak terbahagi. Kami sudah biasa dengan semua kawasan kami, di tapak kubur lama, di kawasan dusun buah-buahan, serta di kawasan pemburuan kami. Kami menjaga puteri gunung - iaitu penjaga tempat ini. Penceroboh tidak menghormati tanah kami. Ikan biasanya dulu sangat besar dahulu tetapi kini sangat kecil ... kualiti kehidupan kami merosot. Kerajaan tidak menghormati kampung dan cara hidup kami." ¹⁰¹

Pada Ogos 2017, di Sungai Siput, Perak, pihak polis telah menangkap 11 penduduk kampung, termasuk Najib, kerana didakwa menghalang renjer hutan di sebuah hutan simpan, di bawah Seksyen 186 Kanun Keseksaan yang menyatakan:

"Sesiapa secara sukarela menghalang mana-mana kakitangan awam dalam menjalankan fungsi awamnya, hendaklah dihukum penjara selama tempoh sehingga dua tahun atau denda sehingga sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya sekali."

Menurut Najib, mereka ditangkap selepas meminta sekumpulan ranjer yang sedang menanda pokok di hutan tentang apa yang mereka sedang buat di sana.

"Ia bermula pada 8 Ogos 2017. Saya nampak sebuah kereta Hilux yang menuju ke kampung kami. Saya mendapati ada peralatan berkhemah dan bahan makanan di dalamnya. Kami berharap untuk mengetahui ke mana mereka ingin pergi kerana ketika mereka memasuki hutan masa itu sudah waktu petang.

Kami bertolak pada pukul 6 petang untuk memasuki kawasan pedalaman hutan tersebut – namun kami tidak tahu di mana mereka berkhemah, kami hanya memerhati kawasan itu kerana mereka tidak meminta izin daripada penduduk tempatan ... Ketika kami berjumpa dengan mereka, kami bertanya dengan jujur, serta secara terbuka, mengapa mereka telah memasuki hutan lewat petang? Saya mahu mengetahui niat mereka.

Renjer hutan itu pula berkata, kami sedang mengganggu kerja mereka dan mereka telah berjumpa dengan Tok Batin [pemimpin komuniti, yang dilantik oleh Jabatan Pembangunan Orang Asli]. Kami berkata setakat berjumpa dengan Tok Batin tidak mencukupi, dan mereka juga perlu berjumpa dengan penduduk kampung lain. Terdapat dua Tok Batin yang telah berjumpa dengan syarikat pemaju tersebut. "

Abas anak Lewin, seorang ahli rangkaian penduduk kampung yang mempertahankan tanah mereka, menjelaskan apa yang berlaku seterusnya:

"Pada 11 haribulan mereka telah menahan kami. Terdapat 9 anggota polis. Polis tidak memperkenalkan diri sebagai polis, mereka enggan menunjukkan kepada kami pengenalan mereka."

"Selepas mereka mendapatkan nama kami, mereka memberitahu 11 daripada kami untuk masuk ke dalam sebuah Hilux." ¹⁰²

Ahli komuniti telah ditangkap dan direman selama tiga hari, selepas itu mereka dibebaskan.

Komuniti terus meminta tanah mereka untuk diwartakan sebagai tanah adat dan menghentikan aktiviti pembalakan di sana. ¹⁰³

"Kami tidak bersalah. Kami cuma mempertahankan hak tanah kami." ¹⁰⁴ kata Najib.

¹⁰¹ Temu bual dengan Amnesty International, Perak, 4 Januari 2018

¹⁰² Temu bual dengan Amnesty International, Perak, 4 Januari 2018

¹⁰³ The Star, "13562 hectares of land for Orang Asli Gazetted", 12 April 2018, www.thestar.com.my/news/nation/2018/04/12/13562ha-of-land-for-orang-asli-gazetted/

¹⁰⁴ Temu bual dengan Amnesty International, Perak, 4 Januari 2018

6.2 PENYIASATAN

Pembela hak asasi manusia lain yang terlibat dalam pertikaian tanah memberitahu Amnesty International bahawa mereka telah ditangkap atau disiasat oleh pihak polis semasa bekerja untuk mempertahankan tuntutan tanah.

Dalam satu kes, ketua sebuah kumpulan yang dianggotai oleh 10 buah kampung untuk mewakili mereka dalam pertikaian tanah di Sabah, menjelaskan bagaimana ahli-ahli kumpulan tersebut dipanggil ke balai polis untuk disoal.

*"Kami dipanggil oleh polis. Kami terpaksa pergi ke ibu pejabat polis, ia mengambil masa kira-kira 3 jam untuk sampai ke sana dan bercakap dengan mereka... Polis bertanya mengapa kami menentang projek pembangunan, dan juga menuduh komuniti kami merancang untuk mengadakan demonstrasi apabila Ketua Menteri hadir di majlis tersebut."*¹⁰⁵

HRD dari NGO yang bekerja untuk hak tanah Orang Asli juga telah ditangkap dan disiasat. Penggunaan undang-undang untuk menindas seperti Akta Hasutan dan Akta Komunikasi dan Multimedia untuk mendiamkan pembela hak asasi manusia adalah isu yang berterusan bagi Amnesty International.¹⁰⁶

Pada Disember 2016, Sabrina Sayed Akil, Presiden NGO Alam Sekitar Malaysia, Peka, yang juga berkempen untuk hak-hak Orang Asli/Asal, telah ditangkap atas kenyataan Facebook di platform media sosial Facebook, di mana beliau mempersoalkan kadar deforestasi dan nyahwarta tanah yang dimiliki oleh Sultan Johor (perubahan status undang-undang tanah untuk membolehkan pembalakan). Pembantunya, Norhayati Shahrom, juga ditangkap, dan kedua-dua mereka disiasat di bawah Seksyen 223 (1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.¹⁰⁷ Sekiranya didapati bersalah, mereka akan dikenakan denda sehingga RM50,000 (USD 12,000), satu tahun penjara, atau kedua-duanya sekali. Selepas direman selama tiga hari, mereka dibebaskan, dan kes itu akhirnya digugurkan tanpa dibawa ke mahkamah. Sayed Akil memberitahu Amnesty International:

*"Adakah tindakan mempertahankan hutan itu suatu jenayah? Sebagai Presiden sebuah NGO, saya mempunyai hak untuk mempersoalkan pihak tertentu tentang rizab hutan kekal. Hanya kerana saya mempersoalkannya saya ditahan, dikurung, dan diperlakukan seperti penjenayah."*¹⁰⁸

Mengikuti Suresh Kumar, Setiausaha Jaringan Rakyat Tertindas (Oppressed Peoples Network, JERIT) sebuah organisasi bukan kerajaan, penangkapan dan penyiasatan ke atas pembela hak asasi manusia akan memberi kesan yang pelbagai kepada komuniti.

*"Di Kelantan, penangkapan memberi motivasi kepada Orang Asli lain untuk berdiri dengan kukuh. Di Pahang, tangkapan-tangkap tersebut melengah-lengahkan Orang Asli. Ini taktik bijak kerajaan untuk menguburkan isu tersebut."*¹⁰⁹

Mustafa Along, dari Gua Musang menegaskan bahawa walaupun terdapat kemusyikilan, tindakan keras Jabatan Perhutanan ke atas komunitinya tidak akan membuatnya berundur.

*"Saya percaya tujuan saya baik. Disebabkan terdapat berjuta-juta [Ringgit] dipertaruhkan, saya mungkin boleh ditangkap, dipukul, bahkan terbunuh pada bila-bila masa, saya masih akan melakukan apa yang perlu saya lakukan ... Ancaman bukanlah sesuatu yang menakutkan kami. Ancaman kehilangan identiti kami adalah jauh lebih menakutkan."*¹¹⁰

¹⁰⁵ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

¹⁰⁶ Lihat contoh: Amnesty International, "Critical Crackdown: Freedom of Expression Under Attack in Malaysia", Januari 2017 <https://www.amnesty.org/en/documents/asa28/3166/2016/en/>

¹⁰⁷ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 3 Ogos 2017; Contohnya lihat juga, The Star, "PEKA Chief and Aide remanded over rude Facebook remarks against Johor Sultan", 23 Disember 2016, www.thestar.com.my/news/nation/2016/12/23/peka-chief-and-aide-remanded-over-rude-fb-remarks-against-johor-sultan/

¹⁰⁸ Temu bual dengan Amnesty International, Gua Musang, Kelantan, 2 Ogos 2017

¹⁰⁹ Temu bual dengan Amnesty International, Gua Musang, Kelantan, 2 Ogos 2017

¹¹⁰ Temu bual dengan Amnesty International, Gua Musang, Kelantan, 1 Ogos 2017

7. ANCAMAN DAN INTIMIDASI

“Di Malaysia, pembela hak asasi manusia adalah suatu istilah yang jarang didengar. Oleh kerana itu, ada pihak-pihak berkuasa yang memanggil mereka ‘pengacau.’”

Suresh Kumar, Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT)¹¹¹

Selain daripada risiko keganasan, penangkapan atau penyiasatan, terdapat pelbagai jenis ancaman yang dilakukan terhadap pembela hak tanah di seluruh negara. Amnesty International mendokumentasikan pelbagai kes cabaran yang dihadapi oleh ketua kampung, peguam, dan wartawan termasuk pemecatan daripada peranan sebagai wakil dalam komuniti, sekatan terhadap pergerakan mereka, dan ancaman lain hanya kerana mereka melaksanakan hak kebebasan bersuara secara aman.

Dalam mewakili komuniti, pemimpin tempatan memainkan peranan penting dalam memastikan suara kampung mereka didengar. Dalam sesetengah komuniti, pemimpin ini dipilih oleh pihak berkuasa negeri, untuk menghalang usaha komuniti yang menentang projek-projek di tanah pusaka. Di dalam sebuah negara di mana Orang Asli/Asal mempunyai kekurangan agensi politik, aktivis, peguam dan media semuanya memainkan peranan dalam menyuarakan isu-isu Orang Asli/Asal. Apabila perintah mahkamah sering kali merupakan satu-satunya cara untuk menghalang kerja di atas tanah yang dipertikaikan daripada diteruskan, peguam juga memainkan peranan penting dalam menyokong pihak komuniti dalam mempertahankan tanah mereka, membuat beberapa perkembangan dalam jurisprudens undang-undang umum di negara berhubung hak milik tanah bumiputera dan membantu komuniti mencari keadilan apabila pelanggaran hak berlaku. Selain peguam, wartawan juga memainkan peranan penting dalam menarik perhatian terhadap pencabulan hak Orang Asli/Asal khususnya eksploitasi tanah Orang Asli/Bumiputera. Ancaman dan gangguan bukan sahaja datang daripada kerajaan negeri tetapi juga daripada orang lain dalam komuniti yang mempunyai pandangan berbeza atau bersedia menerima pampasan untuk ekspropriasi tanah mereka.

7.1 KETUA KAMPUNG

Di Semenanjung Malaysia, ketua kampung biasanya dilantik oleh kerajaan tanpa berunding dengan komuniti;¹¹² ini melanggar hak Orang Asli untuk mempunyai sistem tadbir urus mereka yang dihormati dan digalakkan.¹¹³ Pelantikan ketua, yang menerima gaji bulanan daripada pihak berkuasa negeri, merupakan faktor utama menghalang pembelaan tanah Orang Asli.

“Mereka melantik ketua kampung, bukannya memilih ketua kampung mengikut tradisi. Pastinya kerajaan akan hanya mengiktiraf ketua kampung yang dilantikinya,”¹¹⁴ kata peguam hak asasi manusia Siti Kasim.

¹¹¹ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹¹² SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013, ms.140

¹¹³ Lihat Seksyen 3.2

¹¹⁴ Perbincangan meja bulat dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 24 Julai 2017


Menurut pelbagai komuniti, ketua ini sering berpihak kepada kerajaan untuk menerima manfaat daripada projek atau menjamin gaji mereka.

Walau bagaimanapun, dalam kalangan lain, ketua kampung telah menjadi penting dalam memimpin usaha untuk menghentikan pencerobohan dan pembangunan tanah.



MENGKEK BIN ACHAI LEDANG JOHOR



 ↑ Ketua Kampung Mengkek bin Achai berdiri sebelah tanda yang singkatnya berbunyi: “Dilarang masuk dan mencero bohi – tanah Orang Asli” Ledang, Johor, Ogos 2017 © Amnesty International

“Tiada apa-apa lagi di sini - semuanya adalah hutan. Bandar pun tiada. Cuma kami sahaja yang ada di sini.”¹¹⁵

Inilah cara Tok Batin (ketua kampung) Mengkek bin Achai menggambarkan kampungnya di Negeri Johor, Kampung Sungai Air Tawas dan kawasan Ledang yang mengelilinginya sebelum Kemerdekaan.

“Ada tapak kubur di sini, ada ladang durian kami, dan tanah adat kami di sini.”

Masalah bermula pada bulan November 2016, apabila jentera syarikat perladangan mula melakukan kerja penggalian untuk menggali parit, memasang longkang, dan memagar kawasan tanah yang dituntut oleh komuniti.

“Kami memanggil semua penduduk kampung, kami mula menjerit ini tanah suci kami, ini bukan sesuatu yang baharu, ini sudah ada lama di sini. Kira-kira 40 orang tua dan muda muncul. Jika mereka terus melakukan ini kepada penduduk Orang Asli, bagaimana dengan warisan kami?”

Laporan polis pertama dibuat pada Disember 2016.

“Ketika polis Ledang tiba, mereka memberitahu kami untuk mendapatkan seorang peguam dan berlawan di mahkamah. Jadi saya melakukannya, itulah sebabnya saya memfailkan kes.”¹¹⁶

Mengkek bin Achai dan ketua kampung jiran, Jengkeng Jani yang mewakili Kampung Tanah Gembur memfailkan tuntutan undang-undang berhubung tuntutan mereka terhadap tanah pusaka mereka.

Kurang daripada tiga bulan kemudian, Achai menerima surat pemecatan daripada JAKOA (Jabatan Pembangunan Orang Asli), membuangnya daripada kerja dan orang lain daripada jawatan mereka

¹¹⁵ Temu bual dengan Amnesty International, Ledang, Johor, 5 Ogos 2017

¹¹⁶ Temu bual dengan Amnesty International, Ledang, Johor, 5 Ogos 2017

sebagai ketua kampung. Tiada butiran yang diberikan mengenai aduan yang dikemukakan terhadapnya, mahupun prosedur untuk merayu.

“Apabila saya dipecat saya tidak terjejas, orang-orang yang benar-benar terjejas adalah orang kampung saya ... Saya tidak terkejut - Saya tidak melakukan apa-apa yang salah, saya tidak melakukan sebarang kesalahan, orang lain yang buat kesalahan”, kata Achai.

Walaupun diberi surat itu, penduduk kampung memutuskan untuk terus menganggap kedua-dua lelaki itu sebagai ketua kampung dan mengabaikan arahan yang diterima. Mereka juga menghantar surat meminta penjelasan berhubung pemecatan itu, tetapi tidak menerima jawapan balas.

Menurut Achai dalam sebuah temu bual, *“Mereka (JAKOA) nampaknya sangat teragak-agak untuk membantu kami, apa yang mereka perlu lakukan adalah berada di pihak kami. JAKOA biasanya mengatakan mereka tidak boleh berbuat apa-apa.”*¹¹⁷

Selepas bantahan berterusan dalam bulan-bulan berikutnya, termasuk dalam media nasional, dan oleh SUHAKAM berkenaan layanan terhadap ketua kampung, Mengkek bin Achai dan Jengkeng Jani telah mendapat semula jawatan mereka dua bulan kemudian pada Mei 2017.

Selain daripada ancaman gangguan, keganasan, penangkapan dan penyiasatan, mana-mana ketua kampung yang menentang pembangunan di atas tanah mereka dan anggota komuniti yang menyokong mereka, sering mengalami tindakan balas lain atau ancaman akibat mempertahankan hak tanah mereka.

*“Sekiranya sekumpulan orang cuba dan menentang projek mereka [pihak berkuasa negeri] mengurangkan keperluan asas, dan membuat hidup lebih sukar untuk [rakyat],” Suresh Kumar, wakil Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT), memberitahu Amnesty International. “Terdapat juga kejadian di mana kanak-kanak miskin diugut wang KWAPM (kebijakan) mereka akan diambil pihak berkuasa.”*¹¹⁸

Wakil dari SUHAKAM menyokong tuntutan ini, memberitahu bahawa mereka telah menerima aduan untuk layanan ini.

*“Elaun yang diberikan kepada Tok Batin oleh kerajaan digunakan untuk mengancam mereka jika mereka menentang program-program tersebut. Sekiranya sekumpulan orang cuba dan menentang pemimpin, mereka mengurangkan keperluan asas dan membuat hidup sukar untuk mereka.”*¹¹⁹

Ketua Kampung Achai menggambarkan pengalamannya secara langsung, *“Mereka menghentikan elaun kanak-kanak selama empat bulan sehingga kami meminta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia untuk mendapatkannya [semula].”* Menurut Achai, ia merupakan satu lagi hukuman akibat bersuara.

Tuai Rumah Jambai dari komuniti Bekelit di Sarawak, juga bercakap tentang masalah yang dihadapi oleh ketua dan anggota komuniti apabila mereka memberontak:

*“Kami menghadapi masalah dengan kebajikan, apabila mereka [negeri] tahu kampung asal saya, kami kurang mendapat gerak balas dan bantuan.”*¹²⁰

7.2 AKTIVIS DAN PEGUAM

“Kami dilihat sebagai musuh, kami juga dianggap sebagai penghasut”

Siti Kasim, peguam hak asasi manusia¹²¹

Lain-lain penduduk yang ditemu bual oleh Amnesty International menggambarkan bagaimana mereka terintimidasi disebabkan kerja mereka sebagai seorang aktivis atau peguam yang menyokong kempen orang-orang Orang Asli untuk melindungi tanah mereka, dan dilabel sebagai 'penghasut'.

¹¹⁷ Temu bual dengan Amnesty International, Ledang, Johor, 5 Ogos 2017

¹¹⁸ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹¹⁹ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹²⁰ Temu bual dengan Amnesty International, Bekelit, Sarawak 30 Julai 2017

¹²¹ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

“Di Malaysia, pembela hak asasi manusia adalah suatu istilah yang jarang didengar. Oleh kerana itu, ada pihak-pihak berkuasa yang memanggil mereka ‘pengacau’ kata seorang wakil dari SUHAKAM. ‘Pihak berkuasa mesti mengubah cara mendekati orang yang berjuang untuk hak mereka.’”¹²²

“Kami dianggap penghasut dan pihak kerajaan, JAKOA dan sesiapa sahaja yang pro-kerajaan menganggap kami sebagai penghasut,” Tjih Yok Chopil - aktivis Orang Asli yang terkenal, dan seorang pengasas JOAKSM (Jaringan Kampung Orang Asli Semenanjung Malaysia), sebuah rangkaian di Semenanjung Malaysia yang berjuang untuk hak-hak Orang Asli - memberitahu Amnesty International. *“Orang-orang hubungan kami dalam komuniti dianggap sebagai penghasut dan dipinggir daripada program ekonomi yang disediakan oleh kerajaan.”*¹²³

*“Dilabel sebagai penghasut amat mengujakan - mereka fikir orang Orang Asli begitu bodoh sehingga mereka tidak boleh berfikir untuk diri mereka sendiri. Itu menunjukkan kurangnya rasa hormat terhadap mereka, seolah-olah mereka tidak tahu apa yang mereka lakukan,”*¹²⁴ Suresh Kumar dari JERIT terangkan, kerana beliau berkongsi kes sebuah komuniti di Pos Lanai, Pahang, yang telah bersama-sama mencabar pembinaan empangan Telom. Suresh menjelaskan bagaimana, apabila beliau menemani wakil-wakil komuniti ke balai polis untuk membuat laporan polis, pegawai-pegawai memisahkannya dari kumpulannya dan keluar dari stesen dan memberitahunya bahawa dia yang menggalakkan mereka untuk membuat aduan. Di bawah Seksyen 10 Kanun Keseksaan Malaysia, hasutan atau subahat adalah jenayah.

Bersama para aktivis, para peguam menghadapi cabaran dalam memberikan perwakilan undang-undang kepada komuniti Orang Asli/Asal.

Peguam hak asasi manusia Siti Kasim, yang mewakili komuniti Gua Musang di Kelantan selama lebih tujuh tahun, memberitahu Amnesty International, *“Pada puncak halangan tersebut [pada 2016] mereka mendakwa kami memerlukan permit [untuk masuk ke Hutan Rizab],”* ketika merujuk kepada halangan di mana beliau dan rakannya dihalang daripada mengakses klien mereka. *“Selama bertahun-tahun kami masuk ke sini, dan sekarang mereka kata permit diperlukan untuk masuk. Dalam hal ini, ini dimaklumkan oleh Jabatan Perhutanan.”*¹²⁵

Seksyen 45 dan 47 Akta Perhutanan Negara 1984 membolehkan kerajaan untuk mengisytiharkan sebuah hutan sebagai hutan tertutup, dan untuk menyekat akses. Walau bagaimanapun, apabila melakukan demikian, Seksyen 46 dalam Akta memerlukan kerajaan untuk “memberi pertimbangan sewajarnya terhadap keperluan melindungi hutan dan alam sekitar serta keperluan rekreasi dan keperluan orang awam.” Sekatan ke atas pergerakan Siti Kasim dikutuk oleh kumpulan hak asasi manusia tempatan, termasuk Peguam untuk Kebebasan, yang melabelkan sekatan itu sebagai “arbitrari” dan dilakukan “dengan niat buruk.” Mereka berkata langkah itu adalah satu usaha untuk “menghalang Orang Asli daripada menerima ‘bantuan luar’ dalam perjuangan mereka untuk melindungi tanah adat dan kehidupan tradisional mereka,” serta menghalang Siti Kasim daripada menjalankan tugasnya sebagai seorang peguam hak asasi manusia.¹²⁶

Kasim memberitahu lebih lanjut mengenai kempen memburuk-burukkan pekerjaannya sebagai peguam hak asasi manusia.

*“Sudah tentu, kita menjadi musuh, kita menjadi penghasut. Saya telah ditangkap pada 2012. Mereka menahan saya dan berkata saya menggalakkan ini...mereka cuba memisahkan Orang Asli dari orang luar.”*¹²⁷

Serangan terhadap peguam mempunyai kesan yang lebih luas terhadap pembelaan hak tanah.

“Ia melemahkan kredibiliti peguam kerana kerajaan mempunyai tafsiran hak tanahnya sendiri tanpa mempertimbangkan perundangan dalam negeri secara seimbang dan saksama. Mereka juga kurang yakin bahawa Orang Asli boleh berdiri sendiri oleh itu mereka percaya bahawa ada orang yang mendorong mereka untuk melakukan ‘pemberontakan’,” kata Yogeswaran Subramanian, Peguam Hak Asasi Penduduk Orang Asli/Asal.¹²⁸

¹²² Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 4 Ogos 2017

¹²³ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 24 Julai 2017

¹²⁴ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹²⁵ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹²⁶ Lihat contoh Malaysiakini, “NGO: Barring Siti Kasim from Orang Asli clients ‘arbitrary’, in ‘bad faith’”, 14 Oktober 2016 <https://www.malaysiakini.com/news/358989>

¹²⁷ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹²⁸ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017



 ↑ **Siti Kasim seorang peguam hak asasi manusia terlibat dalam pelbagai kes untuk mempertahankan hak tanah Orang Asli di Semenanjung Malaysia, 2017 © Amnesty International**

7.3 KOMUNITI

Di kawasan pilihan raya tempatan di mana pegawai-pegawai tempatan mendapat manfaat daripada projek-projek pembangunan, penduduk Orang Asli telah dilabelkan sebagai anti-kerajaan kerana mempertahankan tanah.

Di Sabah, seorang aktivis kampung yang telah bertemu dengan Amnesty International menyatakan bahawa mereka telah dilabelkan sebagai 'pembangking' (politik) dalam perjuangan mereka untuk menentang hak milik komunal yang telah merampas tanah pusaka mereka.

"Hak milik komunal merangkumi tanah memburu, tadahan air, sempadan pusaka, bahagian hutan di mana kami mengumpul ubat-ubatan, kawasan pertanian, termasuk kampung itu sendiri, dan juga kuburan dan juga air garam dari tanah – yang kami guna untuk memasak dan mendapatkan garam. Sudah 5 generasi kami tinggal di sana. Kami berjuang untuk mempertahankan tanah pusaka kami kerana ia adalah kehidupan kami, ia adalah ubat kami dan kerana di sinilah generasi kami telah hidup sejak permulaan generasi ke-5.

"Kami telah dilabelkan sebagai pembangkang oleh seorang wakil rakyat tempatan yang terkenal. Pegawai Daerah berkata dalam ucapannya kami menentang kerajaan dan menyokong pembangkang - kami adalah pembangkang - kerana kami berjuang untuk tanah." ¹²⁹

Seorang aktivis dari komuniti lain di Sabah menggambarkan pengalamannya membela tuntutannya terhadap tanah pusaka, yang bertindih dengan Hutan Simpan dan mana konsesi 100 tahun telah diperuntukkan oleh kerajaan kepada sebuah syarikat balak: *"Terdapat banyak ancaman dari Jabatan Perhutanan [yang berkeras bahawa komuniti menyalahi undang-undang di atas tanah], kerajaan, komuniti. Apabila kami menuntut kawasan kami, kami telah dituduh sebagai pembangkang, disenarai hitam, dan tiada pembangunan yang diberikan oleh kerajaan sehingga sekarang." ¹³⁰*

Walaupun banyak pembela hak asasi Orang Asli/Asal telah mengalami ancaman dari luar komuniti mereka, yang lain telah menghadapi intimidasi dari dalam, apabila beberapa anggota komuniti menyokong pembangunan tanah mereka, dan yang lain menentanginya.

¹²⁹ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

¹³⁰ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

Salah seorang ahli komuniti menggambarkan bagaimana mereka akan diberi amaran oleh ketua kampung yang menyokong projek-projek tersebut, *“Biasanya mengikut pengalaman saya, ketua kampung akan mengancam kami - (kata mereka) jika saya tidak berhenti, dia akan menghubungi pihak polis untuk menangkap saya.”*¹³¹

Amnesty International mendengar daripada ramai orang bahawa apabila komuniti berpecah belah akibat isu pembangunan di tanah mereka, komuniti yang pernah tinggal bersama di rumah panjang kadang kala berpisah. Para penduduk diancam dengan tindakan keganasan daripada ahli komuniti lain kerana membantah projek perindustrian atau pertanian.

Di Sabah, ahli-ahli komuniti Orang Asal berbicara kepada Amnesty International tentang bagaimana ancaman berbentuk kepercayaan tradisional dan 'sihir hitam' digunakan untuk menakutkan penduduk kampung yang mempertahankan tanah mereka.

Seorang pemimpin belia dari Puput Pampanson, Sabah, dan anggota yang menentang hak milik komunal, yang membenarkan pembalakan di tanah itu, menggambarkan kepercayaan mendalam dalam semangat dan sihir hitam yang dikekalkan oleh kebanyakan kampung.

*“Mondo adalah semangat ghaib yang paling berkuasa. Semangat kedua iaitu Mantua memelihara hutan. Akeu, pula penjaga haiwan. Kadang-kadang Akeu akan mengaburi mata anda dan anda mungkin akan salah tertembak kawan anda dan manusia lain. Apabila anda berburu di sana ada banyak pantang yang perlu dipatuhi.”*¹³²

Seorang pembela yang mengetuai perjuangan untuk tanahnya di kampung bersebelahan menjelaskan kepada Amnesty International bagaimana kepercayaan ini digunakan untuk menakutkan dia dan ahli komuniti lain.

“Saya telah diancam oleh mereka yang memihak kepada syarikat itu untuk berhenti memprotes hak milik komunal dengan menerimanya, atau keluar dari kampung. Ada juga ancaman oleh kumpulan pendukung pro ini bahawa jika kami tidak mengalah kebencian/pembalasan ini akan berterusan ke generasi akan datang.”

“Mereka ada di kampung saya, mereka sudah seperti keluarga saya sendiri. Saya tidak takut dengan orang-orang yang membahayakan saya secara fizikal. Di kampung saya mereka masih mengamalkan sihir hitam. Saya takut dengan ini sebab mereka mampu melakukannya. Saya bimbang kebanyakan mereka akan membahayakan anak-anak saya melalui sihir hitam. Saya berasa takut kerana anak-anak saya masih kecil dan mereka tidak faham semua ini tetapi mereka adalah sasaran yang mudah.”

*“Kami telah melaporkannya kepada pihak polis tetapi kami tidak mengharapkan banyak daripada polis ... Saya seorang Wakil Pengerusi yang terpilih, adalah tanggungjawab saya untuk memastikan komuniti, budaya, tradisi tidak pupus. Kami percaya cara hidup kami akan hilang jika kami kehilangan tanah ini. Saya perlu memastikan itu tidak berlaku.”*¹³³

¹³¹ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

¹³² Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

¹³³ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

8. HALANGAN KEPADA KEADILAN

“Jika kerajaan tidak melindungi anda apabila anda mempertahankan tanah anda – kepada siapa lagi anda akan mengadu?”

Jerald Joseph, Pesuruhjaya SUHAKAM¹³⁴

Di Malaysia, pembela hak asasi manusia bukan sahaja menghadapi risiko serangan, tangkapan, ancaman dan intimidasi sewenang-wenangnya, mereka juga mengalami halangan dalam mencari keadilan dan akauntabiliti dan mengakses remedi untuk pelanggaran terhadap mereka.

Amnesty International telah meneliti beberapa kes yang mengalami penyiasatan yang tidak efektif dalam pencabulan hak asasi manusia terhadap pembela. Dalam contoh serangan dan ancaman, para aktivis memberitahu Amnesty International bahawa polis secara rutin gagal bertindak balas terhadap laporan ketua komuniti dan pembela hak asasi manusia yang lain.

8.1 KEKANGAN PERUNDANGAN DALAM TUNTUTAN TANAH PUSAKA

Kekurangan perlindungan undang-undang hak Orang Asli/Asal untuk tanah mereka masih menjadi halangan utama untuk merealisasikan hak-hak mereka secara efektif, dan memberi kesan kepada perlindungan pembela hak asasi manusia yang menyokong mereka.

Peguam dan aktivis yang bercakap dengan organisasi memberitahu bahawa mereka percaya pihak berkuasa gagal untuk bertindak, kerana sebaik sahaja sebuah lesen dikeluarkan kepada sebuah syarikat ia memiliki hak yang sah ke atas tanah yang diutamakan berbanding tuntutan komuniti terhadap kawasan pusaka mereka. Oleh sebab itu, pihak berkuasa tidak berkewajipan besar untuk bertindak balas terhadap aduan.¹³⁵

“Pelbagai syarikat, disebabkan pajakan atau lesen mereka dalam bentuk dokumen, memperkasakan mereka untuk menguatkuasakan hak mereka sendiri. Strategi mereka adalah untuk menuntut bukti bertulis daripada penduduk setempat. Jika mereka menuntut hak bumiputera, syarikat akan bertanya, ‘Mana dokumen kamu sebagai bukti? Kami ada dokumen kami, kami ada lesen kami, kami ada pajakan

¹³⁴ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹³⁵ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

... kamu pula?" "Jadi itulah cara mereka berhujah,"¹³⁶ kata Menteri Kerja Raya dan peguam hak penduduk Orang Asli/Asal Baru Bian.

Pembela melaporkan bahawa mereka menghadapi halangan yang sama ketika mereka cuba berjumpa wakil-wakil tempatan atau ke pejabat kerajaan tentang hak dan tuntutan mereka ke atas tanah mereka. Dalam suasana politik masa kini, terdapat juga kebimbangan tentang kebebasan pelbagai institusi, terutamanya apabila terdapat tuntutan besar yang dipertaruhkan. Seorang pembela di Sabah memberitahu Amnesty International:

*"Setakat ini kerajaan tidak menghiraukan kami dan tidak mahu mendengar tuntutan kami. Pegawai Daerah melarikan diri ... Kami telah mencari-cari Pegawai Daerah ini sejak tahun lepas. Saya tidak pernah bersemuka dengan Pegawai Daerah itu."*¹³⁷

*"Pegawai-pegawai kerajaan akan bertemu dengan saya, dan akan mengambil dokumen tersebut tetapi tidak akan menghiraukan saya. Biasanya dia akan berkata, OK, katanya, dia akan mengambil surat itu tetapi dia tidak akan bercakap,"*¹³⁸ jelas yang lain.

*"Pengalaman saya yang paling teruk adalah dengan Jabatan Tanah tempatan kerana mereka mempunyai bahagian dalam hak milik komunal, daripada Pegawai Daerah hingga ke Ketua Kampung ke Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung) semuanya."*¹³⁹

Seorang pembela menggambarkan bagaimana mereka 'berulang-alik' di antara institusi, tiada siapa pun yang mahu mengurus tuntutan mereka.

"Biasanya, apa yang kami dapat ialah jawapan daripada Ketua Menteri iaitu untuk menulis surat kepada Jabatan Tanah dan Ukur, tetapi pada masa yang sama Jabatan Tanah dan Ukur mengatakan ia bukan dalam bidang kuasa mereka kerana tanah itu adalah milik kerajaan."

*la macam bola ke sana dan sini, ia akan melantun semula kepada anda. Inilah salah satu cara kerajaan mencabul hak kami."*¹⁴⁰

Dalam Inkuiri Nasional mengenai Hak Tanah penduduk Orang Asli/Asal, SUHAKAM telah mengenalpasti Jabatan Tanah dan Ukur sebagai pihak utama yang bertanggungjawab untuk kelewatan memproses pendaftaran tanah Orang Asli/Asal.¹⁴¹

Di semua jabatan, terdapat kekurangan tindak balas daripadakerajaan persekutuan kerana tanah dipandang sebagai masalah negeri.

*"Kerajaan tidak memperhatikan penghakiman positif terhadap tuntutan tanah adat, mereka hanya melihat undang-undang statut,"*¹⁴² kata peguam hak asasi manusia Siti Kasim.

*"Masalahnya, kerajaan kita terbahagi kepada dua - tanah hutan adalah di bawah bidang kuasa negeri. Sebagai kerajaan persekutuan mereka boleh melakukan sesuatu mengenai perkara ini. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan,"*¹⁴³ kata Sabrina Syed Akil, dari PEKA.

Wakil SUHAKAM memberitahu Amnesty International, *"Tidak ada pelan nasional, setiap negeri akan melayan anda secara berbeza. Kerajaan persekutuan akan merujuk kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri pula akan mengatakan kami perlu merujuk kerajaan persekutuan... kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan mesti memastikan mereka bekerjasama untuk memberi Orang Asli/Asal hak mereka untuk dinikmati. Kerajaan ghairah untuk memanfaatkan tanah. Kami akan berdepan dengan lebih banyak isu hak tanah."*¹⁴⁴

Mengikuti ulasan seorang pakar, kerajaan persekutuan menafikan tanggungjawabnya terhadap hak Orang Asli/Asal kerana kerajaan masih mempunyai banyak kawalan ke atas negeri. Ini sebahagiannya disebabkan peruntukan pusat untuk pelbagai dana negeri dan peningkatan kuasa yang diberikan oleh eksekutif.¹⁴⁵

¹³⁶ Temu bual dengan Amnesty International, Kuching, 28 Julai 2017

¹³⁷ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

¹³⁸ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

¹³⁹ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

¹⁴⁰ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

¹⁴¹ SUHAKAM, Laporan Inkuiri Nasional, 2013, ms.115

¹⁴² Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹⁴³ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹⁴⁴ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 4 Ogos 2017

¹⁴⁵ Aiken, Robert et al, "Seeking Redress in the Courts: Indigenous Land Rights and Judicial Decisions in Malaysia", Modern Asian Studies, Vol. 45, No. 4 (Julai 2011), ms. 828

Selain itu, kerajaan persekutuan, sebagai sebuah parti kepada kewajipan hak asasi antarabangsa, bertanggungjawab untuk memastikan kewajipan tersebut dilaksanakan di seluruh negara.¹⁴⁶

Untuk menangani isu tanah sepenuhnya, sebagaimana yang dianjurkan oleh penyokong hak-hak tanah terkemuka di negara ini, termasuk Menteri Kerja Raya di Sarawak Baru Bian, terdapat keperluan mendesak untuk membangunkan sebuah Suruhanjaya Kebangsaan Bebas mengenai Hak Tanah Orang Asli/Asal, yang terdiri daripada pakar-pakar tanah Orang Asli/Asal untuk meluluskan permohonan pengiktirafan tanah adat.

Komuniti sering dipaksa untuk menggunakan mahkamah untuk menetapkan status tanah adat, apabila negara telah mengeluarkan lesen kepada syarikat di atas tanah Orang Asli/Asal tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bebas serta makluman awal daripada Orang Asli/Asal yang berkenaan. Komuniti telah mewujudkan peta-peta komuniti dengan menandakan tanah yang mereka anggap sebagai tanah adat Orang Asli/Bumiputera. Walau bagaimanapun, dalam banyak kes, pelbagai syarikat berpendapat bahawa apabila mereka telah membeli lesen, mereka kemudian mengambil tindakan untuk memindahkan komuniti Orang Asli/Asal. Sekarang komuniti-komuniti ini mesti membuktikan pemilikan mereka di mahkamah.

Perwakilan undang-undang yang efektif menjadi kunci apabila pembela Orang Asli/Asal telah ditangkap oleh pihak berkuasa kerana menuntut hak tanah mereka, atau membina halangan. Dalam kes halangan di Gua Musang, tindakan pantas oleh peguam bersama wartawan, bermakna pembela yang ditangkap dalam tangkapan besar-besaran, kebanyakannya dibebaskan dalam masa tiga hari, paling lama.

Siti Kasim memberitahu Amnesty International mengenai kesan tindakan peguam. *"Melihat peguam mula mengusahakan kes-kes mereka, mereka (komuniti Orang Asli/Asal) mula merasa berani, kerana ada peguam menyokong mereka dari belakang, mereka berasa lebih gagah, berasa lebih berani untuk bangkit."*¹⁴⁷

Walaupun bagaimanapun, salah satu cabaran utama bagi sesebuah komuniti tersebut adalah kekurangan peguam yang sanggup mengambil kes-kes ini, memandangkan kebanyakan daripada komuniti ini tidak mampu membayar peguam peribadi. Peguam-peguam yang mengambil kes-kes ini akhirnya melakukannya secara 'pro bono', kerana ia tidak termasuk dalam bidang bantuan undang-undang yang disediakan oleh kerajaan mahupun pusat bantuan guaman yang disediakan oleh Majlis [Peguam].¹⁴⁸

"Kami tidak cukup kakitangan. Kami melakukan ini secara pro bono, ini kes yang panjang dan berlarutan, peguam kami sangat sedikit. Kami mempunyai seorang peguam yang sangat berdedikasi namun beliau sudah meninggal dunia. Tidak ramai peguam yang mahu membuat kerja ini," jelas Siti Kasim. *Saya tidak sampai hati untuk mengatakan kami tiada peguam untuk melakukannya. Penghalang utama kami adalah kos ... Saya membuat kerja ini dengan menggunakan duit saya sendiri, selalunya saya akan mengeluarkan belanja sendiri.*¹⁴⁹

Kebanyakan daripada pembela yang ditemu bual oleh Amnesty International meminta bantuan dari Organisasi Bukan Kerajaan untuk mendapatkan bantuan perundangan, dalam bentuk dana untuk tuntutan perundangan, atau rujukan kepada seorang peguam yang melakukan kerja seperti ini. Walau bagaimanapun, terdapat banyak komuniti yang menghadapi halangan yang lebih besar dalam mengakses bantuan tersebut kerana tempat tinggal mereka yang terpencil dan jarak untuk ke pusat bandar yang jauh, dan juga kurang kesedaran tentang hak-hak sah dan kelayakan.

Beberapa orang pembela hak asasi manusia menyatakan kebimbangan mereka kepada Amnesty International dari segi kos undang-undang untuk mengejar tuntutan mereka di mahkamah.

*"Masalah kami adalah pembiayaan dari segi membayar yuran mahkamah. Kami tidak mempunyai wang untuk membayar yuran guaman. Kami cuba mengatasinya melalui pengumpulan, kami juga berharap kami akan mendapat bantuan pro bono,"*¹⁵⁰ kata seorang pembela dari Sabah di mana komunitinya sedang mempertikaikan tuntutan mereka di mahkamah.

¹⁴⁶ Konvensyen Vienna berkenaan dengan Undang-Undang Triti, Perkara 29

¹⁴⁷ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹⁴⁸ Biro Bantuan Guaman Kerajaan ditadbir oleh Akta Bantuan Guaman 1971, sementara Majlis Peguam menyediakan bantuan guaman di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976. Akta Profesion Undang-Undang 1971, bertujuan untuk memberi sesiapa sahaja yang memerlukan pembelaan bagi hak untuk mendapatkan peguam. Namun mengikut yang diamal, Akta ini hanya memperuntukkan peguam untuk mewakili orang yang dituduh yang telah mengaku bersalah atas tuduhan jenayah, atau yang dituduh di bawah Akta Kesalahan Kecil 1955.

¹⁴⁹ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹⁵⁰ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017



Tanah yang telah dibuka di Johor, Semenanjung Malaysia, Julai 2017 © Amnesty International

8.2 TIADA SIASATAN ATAU TIDAK MENCUKUPI

“Saya tidak percaya mereka akan melakukan apa-apa, setakat ini apabila membuat laporan, mereka tidak mengambil tindakan.”

Tijah Yok Chopil, Aktivistik Orang Asli¹⁵¹

Beberapa agensi berkewajipan untuk menyiasat pencabulan terhadap pembela hak asasi Orang Asli. Agen utamanya adalah pihak polis. Walau bagaimanapun, pembela hak asasi manusia yang bercakap dengan Amnesty International menyatakan bahawa terdapat kekurangan kesediaan oleh pihak polis untuk bertindak apabila pembela memfailkan aduan.

Bill Kayong telah melaporkan kejadian ancaman kepada pihak polis mengenai intimidasi terhadapnya beberapa hari-hari sebelum kematiannya. *“Cara polis mengendalikan kes itu ialah mereka akan mengambil laporan itu, dan tiada apa-apa yang dilakukan, tiada tindakan diambil,”*¹⁵² jelas Davy Kayong, saudara lelaki Bill. Di dalam komuniti Bekelit yang dibantu oleh Bill, ketua kampung iaitu Tuai Rumah Jambai melaporkan bahawa beliau tidak tahu sama ada apa-apa tindakan diambil oleh polis untuk menyiasat atau menawarkan perlindungan berikutan laporan-laporan tersebut.

Tijah Yok Chopil dari JOAKSM, menggambarkan mereka tidak menerima tindak balas apabila melaporkan ancaman terhadap komuniti ketika mempertahankan tanah mereka. Mereka terus menggunakan strategi ini sebagai sebuah jalan keluar.

*“Sekiranya berlaku ancaman, langkah pertama kami adalah membuat laporan polis dan membuat aduan di Jabatan Tanah dan agensi lain. Saya percaya mereka tidak akan melakukan apa-apa, tetapi proses itu masih dijalankan, sehingga apabila kami membawa kes itu ke mahkamah, ia menunjukkan kami telah mengambil langkah-langkah yang diperlukan. Setakat ini apabila membuat laporan, mereka tidak mengambil tindakan. Kadang-kadang, kami berasa tekanan, selepas berjam-jam lamanya disoal dan bukannya menangani individu-individu yang dalam laporan tersebut untuk membuatkan kami kurang mengadu atau melemahkan semangat kami, tetapi kami tetap akan teruskan.”*¹⁵³

Ramai pembela menggambarkan bagaimana kerja mereka sebagai pembela hak asasi manusia disekat atau mereka tidak digalakkan secara aktif mengejar tuntutan mereka.

¹⁵¹ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 25 Julai 2017

¹⁵² Temu bual dengan Amnesty International, Miri, 28 Julai 2017

¹⁵³ Perbincangan meja bulat dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 24 Julai 2017

*"Pihak berkuasa sepatutnya menjadi pembela hak asasi manusia - ia adalah sesuatu yang perlu kita perlu pupuk dalam fikiran mereka,"*¹⁵⁴ Pesuruhjaya SUHAKAM Jerald Joseph memberitahu Amnesty International. *"Jika anda membuat aduan, anda mungkin disiasat atau dituduh kerana membangkitkan isu. Jika kerajaan tidak melindungi anda dalam mempertahankan tanah anda – kepada siapa lagi yang anda boleh mengadu?"*

Sebagai tambahan kepada pegawai kerajaan, pembela hak tanah yang telah bercakap dengan Amnesty International juga meminggirkan JAKOA, Jabatan Pembangunan Orang Asli, yang bertanggungjawab untuk urusan Orang Asli di Semenanjung Malaysia.

"JAKOA harus memainkan peranan yang lebih agresif dalam melindungi hak-hak Orang Asli/Asal," seorang wakil SUHAKAM memberitahu Amnesty International. *"Mereka perlu lebih proaktif untuk memastikan semua aduan penduduk Orang Asli/Asal ditangani."*¹⁵⁵

"Secara perundangan, kami mempunyai masalah dengan JAKOA kerana mereka tidak bekerjasama," jelas peguam Siti Kasim, *"Biasanya mereka berada di pihak lawan sedangkan mereka sepatutnya berada di pihak Orang Asli/Asal."*¹⁵⁶

8.3 TIADA PERSETUJUAN BEBAS SERTA MAKLUMAN AWAL

Hampir semua pembela yang bercakap dengan Amnesty International menekankan kekurangan persetujuan bebas serta makluman awal untuk projek-projek pembangunan yang menjadikannya sukar, jika tidak mustahil bagi komuniti untuk menentang pembangunan sebaik sahaja ia dimulakan.

Prinsip persetujuan bebas serta makluman awal diperuntukkan dalam undang-undang antarabangsa. Perisytiharan Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Orang Asli/Asal, yang mana disokong Malaysia menegaskan bahawa persetujuan harus diperolehi jika kerajaan bercadang untuk memindahkan penduduk Orang Asli/Asal keluar dari tanah mereka.

SUHAKAM memberitahu Amnesty International bahawa banyak komuniti hanya dimaklumkan tentang projek pembangunan "apabila papan notis dipasang" di tanah mereka, seringkali apabila kerja-kerja sudah bermula. SUHAKAM menegaskan bahawa JAKOA harus berusaha untuk mengintegrasikan prinsip persetujuan bebas serta makluman awal ke dalam dasarnya untuk komuniti Orang Asli/Asal.¹⁵⁷

Maklumat ini disahkan oleh komuniti Orang Asli/Asal, serta peguam yang bekerja dengan mereka.

*"Pada tahun 2016, tiba-tiba, ada papan tanda yang kami tidak boleh memasuki kawasan itu, dan kami tidak boleh memburu. Jabatan Perhutanan telah meletakkan papan tanda jangan masuk,"*¹⁵⁸ jelas seorang pembela dari Sabah yang mencabar pembalakan di tanah mereka.

"Sekurang-kurangnya beri mereka hak untuk membuat perundingan dan persetujuan," peguam hak asasi manusia Yogeswaran Subramaniam memberitahu Amnesty International. *"Walaupun persetujuan diminta, ia diperolehi dengan cara yang memecah-belahkan komuniti."*

"Walaupun mereka (membuat perundingan) mereka memanipulasinya dalam apa sahaja cara. Orang Asli memang berkuasa secara kumpulan. Jika anda mula berunding dengan seseorang sahaja, mereka mula berpecah. Mereka melawat ke setiap rumah. Itu bukan cara untuk membuat keputusan - perundingan harus menghormati struktur (komuniti Orang Asli/Asal)."

Selain daripada memecah-belahkan komuniti, *"(Mereka) tidak memberikan salinan pelan tersebut supaya kami dapat berbincang,"* sambung Subramaniam. *"Mengakses dokumen sukar kecuali anda mendapat perintah mahkamah."*¹⁵⁹

¹⁵⁴ Perjumpaan dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 3 Ogos 2017

¹⁵⁵ Bertemu dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 25 Julai 2017

¹⁵⁶ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 3 Ogos 2017

¹⁵⁷ Bertemu dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 25 Julai 2017

¹⁵⁸ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu 26 Julai 2017

¹⁵⁹ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

Rangka kerja persetujuan bebas serta makluman awal memerlukan maklumat lengkap yang disediakan, dalam bentuk yang boleh diakses oleh komuniti, tentang impak, setakat mana, dan kesan sosial dan alam sekitar projek yang dicadangkan, termasuk kemungkinan alternatif yang tidak akan melibatkan penempatan semula. Maklumat ini mesti disediakan secara jelas sebelum rundingan, supaya komuniti dapat menganalisa dan membincangkannya. Waktu mesti dipertimbangkan untuk proses iteratif, di mana komuniti boleh membuat cadangan balas yang kemudiannya dipertimbangkan oleh kerajaan, atau diberikan maklumat lanjut atau penjelasan, yang boleh dibincangkan semula dengan komuniti dan dipertimbangkan.

Seorang pembela hak tanah dari komuniti Orang Asli di Sabah, yang tanahnya telah dibangunkan sebagai ladang kelapa sawit memberitahu Amnesty International, *"Kami mendapati pemimpin di kampung kami, Ketua Kampung, ketua JKKK (Jawatan Kuasa Pembangunan dan Keselamatan Desa¹⁶⁰) – semua orang yang dilantik oleh kerajaan telah mengadakan mesyuarat sendiri, sebuah mesyuarat tidak rasmi tentang meluluskan hak milik komunal. Terdapat beberapa daripada mereka datang dari kampung lain yang menjalankan mesyuarat, namun komuniti ini tidak terlibat. Kami tidak diberitahu mengenai mesyuarat itu, apabila kami dapat tahu, hak milik komunal (yang melepaskan hak tanah) sudahpun dikeluarkan..."*¹⁶¹

Seorang lagi aktivis hak tanah, di Sabah juga telah berkongsi: *"Kami merasakan bahawa JKKK dan ketua kampung sahaja yang terlibat dalam pembangunan hak milik komunal. Bagi saya dalam hal ini, ketua kampung, pegawai daerah, tidak mengiktiraf hak komuniti untuk bersuara ."*¹⁶²

8.4 RISIKO DAN ANCAMAN TINDAK BALAS

Banyak perkara yang berlaku akibat bersuara lantang untuk mempertahankan hak tanah penduduk Orang Asli/Asal telah mewujudkan rasa takut dalam kalangan komuniti dan aktivis. Sekurang-kurangnya 30 orang pembela yang bercakap dengan Amnesty International meminta identiti mereka dirahsiakan. Penduduk lain berasa takut untuk memfailkan laporan polis, atau menimbulkan isu ini dengan pegawai tempatan.

Beberapa pembela bercakap tentang beban ketika mewakili komuniti mereka, mengalami kemajuan terhad, gangguan dan ancaman.

"Kami telah mengorbankan banyak wang dan masa," kata seorang pemimpin komuniti dari Sabah. *"Kadang-kadang saya membiarkan anak-anak di kampung tanpa wang. Kami perlu melakukan ini hanya untuk menghantar surat, untuk menghantar laporan. Jika kami tidak menghantar surat-surat ini, salah satu kesannya ialah Penatua di kampung menjadi tertekan. Ini memberi mereka harapan. Nenek saya memberitahu saya 'Nak, kamu mesti meneruskan perjuangan ini. Jangan membiarkannya.' Tidak kira betapa sukarnya perjalanan saya, apa sahaja mesyuarat, saya akan pergi."*¹⁶³

Walaupun, terdapat pelbagai risiko dan cabaran, pembela hak tanah penduduk Orang Asli/Asal berkata mereka akan terus bersuara untuk memastikan bahawa keterlibatan komuniti Orang Asli/Asal dan sokongan terhadap usaha mereka untuk mempertahankan hak tanah mereka akan terus bertambah.

*"Terdapat suasana rasa takut yang disebabkan oleh kuasa dan kawalan tinggi yang mampu dilaksanakan oleh negeri ke atas Orang Asli/Asal, oleh itu sering kali dan kadang-kadang sukar untuk mendapatkan maklumat dan kerjasama yang mencukupi untuk membina kes untuk pencabulan hak,"*¹⁶⁴ kata peguam hak asasi penduduk Orang Asli/Asal Yogeswaran Subramaniam.

*"Apabila Orang Asli/Asal kehilangan tanah mereka, mereka kehilangan segala-galanya. Tanah ini dianggap sebagai segala-galanya kepada mereka,"*¹⁶⁵ Peguam Sarawak See Chee How memberitahu Amnesty International.

¹⁶⁰ JKKK adalah sebuah entiti yang diluluskan oleh kerajaan yang membuat keputusan untuk komuniti mengenai 'pelan transformasi pembangunan sebuah kampung'. Eksekutif jawatankuasa tersebut menerima elaun kerajaan bulanan daripada kerajaan negeri. Sumber: Kementerian Pembangunan Luar Bandar <http://www.rurallink.gov.my/en/kkkjkkp-information-2/>

¹⁶¹ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017; ini juga merupakan dapatan Inkuiri Nasional SUHAKAM. Lihat contoh ms.120

¹⁶² Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

¹⁶³ Temu bual dengan Amnesty International, Kota Kinabalu, 26 Julai 2017

¹⁶⁴ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹⁶⁵ Temu bual dengan Amnesty International, Kuching, 27 Julai 2017

"Saya perlu terus bersuara," kata peguam yang bekerja di Kuala Lumpur, Siti Kasim, yang menghadapi gangguan dan ancaman terhadap kerja hak asasi manusia. *"Saya tidak akan berubah untuk sesiapa."*¹⁶⁶

Walaupun menghadapi halangan yang berterusan dan serangan berulang kali terhadap komuniti mereka, pemimpin kampung juga bersumpah untuk terus berjuang. *"Saya akan mempertahankan tanah pusaka saya, dan hak-hak adat kaum Dayak. Di mana sahaja saya, akan saya akan sentiasa menyokong perjuangan untuk tanah adat Bumiputera,"*¹⁶⁷ kata Ketua Kampung Jambai dari Bekelit, Sarawak.

Pemimpin tetap memainkan peranan utama untuk memastikan bahawa perjuangan terus dijalankan, seperti yang dijelaskan oleh Dennis Along, Ketua Persatuan Tring: *"Kami melakukan perkara yang betul untuk komuniti kami ... komuniti saya harus ada seseorang untuk memimpin mereka."*¹⁶⁸

Ketika kerajaan baharu Malaysia mengambil alih kuasa, ia harus memastikan bahawa janji-janji yang telah dibuat kepada komuniti Orang Asli/Asal di negara ini dipertahankan, bahawa hak tanah Orang Asli/Bumiputera dihormati, dan pembela hak asasi manusia dilindungi.

¹⁶⁶ Temu bual dengan Amnesty International, Kuala Lumpur, 2 Ogos 2017

¹⁶⁷ Temu bual dengan Amnesty International, Bekelit, Sarawak, 30 Julai 2017

¹⁶⁸ Temu bual dengan Amnesty International, Miri, 28 Julai 2017

9. KESIMPULAN & CADANGAN

Sejak penerbitan Inkuiri Negara mengenai Hak Tanah Orang Asli/Bumiputera pada tahun 2013, kerajaan Malaysia telah berjanji untuk mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki perlindungan terhadap komuniti Orang Asli/Asal. Meskipun cadangan Pasukan Petugas Tanah Orang Asli/Bumiputera digunakan, terdapat sedikit kemajuan kecil, dan pertembungan antara pihak berkuasa dan masyarakat Orang Asli terus berlaku.

Cabaran bagi mereka yang mempertahankan tanah Orang Asli/Asal di Malaysia, yang didokumenkan oleh Amnesty International dalam laporan ini, mendedahkan bahawa pembela hak asasi manusia menghadapi pelbagai halangan dan pelanggaran hak asasi manusia ketika menjalankan tugas mereka. Kerja sah pembela hak asasi manusia yang menjadi sebahagian daripada komuniti ini serta pihak-pihak yang menyokong mereka telah dihalang apabila mereka bersuara. Pemimpin Orang Asli/Asal telah ditangkap, diganggu, diancam, dan diserang secara fizikal, dan menghadapi ancaman terhadap kehidupan mereka, di samping pengiktirafan dan perlindungan terhadap komuniti mereka.

Kegagalan kerajaan negeri dalam melaksanakan tanggung jawabnya untuk melindungi mereka yang mempertahankan tuntutan ke atas hak tanah mereka; memandang rendah kerja pembela hak asasi manusia dan mendedahkan mereka kepada bahaya yang lebih besar, amat dikesali. Hampir setiap anggota komuniti yang ditemu bual oleh Amnesty International menggambarkan serangan terhadap pembela hak asasi manusia dan kehilangan tanah mereka, sebagai serangan terhadap budaya dan kehidupan mereka sebagai Orang Asli/Asal.

Ramai orang di Malaysia bimbang tentang masa depan Orang Asli/Asal di negara ini. Sementara itu, pengorbanan besar yang ditanggung oleh pembela hak asasi manusia - serta perjuangan yang dihadapi oleh mereka yang menuntut tanah pusaka menunjukkan cabaran-cabaran ini akan berterusan sehingga Orang Asli/Asal dan pihak yang menyokong mereka, diberi pengiktirafan penuh dan perlindungan hak mereka oleh kerajaan Malaysia.

CADANGAN

9.1 UNTUK PIHAK BERKUASA MALAYSIA

- Memastikan pembela hak asasi manusia bebas daripada gangguan, diskriminasi, dan ancaman jenayah melalui penerapan undang-undang represif; dan memastikan mereka dapat menjalankan tugas mereka yang penting dan sah dalam persekitaran yang selamat.
- Mulakan siasatan terhadap serangan, ancaman dan kecaman ke atas pihak pembela yang bekerja untuk mempertahankan hak yang berkaitan dengan tanah Orang Asli/Bumiputera dengan segera, teliti dan adil, dan jika terdapat bukti tanggungjawab jenayah yang mencukupi,

membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan di dalam perbicaraan yang adil tanpa hukuman mati.

- Mengelak daripada menggunakan bahasa yang berstigma, kesat, merendahkan atau mendiskriminasi terhadap pembela hak asasi manusia, termasuk menggambarkan mereka sebagai: “penghasut”, “anti-pembangunan”, atau “penjenayah”.
- Mengiktiraf, secara terbuka dan pada peringkat tertinggi dari kedua-dua pihak berkuasa tempatan dan nasional, kerja sah pembela hak asasi manusia yang menangani isu-isu yang berkaitan dengan tanah Orang Asli/Bumiputera.
- Berunding dengan wakil-wakil komuniti Orang Asli/Asal untuk membuat undang-undang - seperti persetujuan bebas serta makluman awal komuniti Orang Asli/Asal - dan mekanisme lain yang memastikan bahawa pembela hak asasi manusia bebas daripada gangguan, diskriminasi, dan ancaman jenayah, justeru membolehkan mereka menjalankan kerja mereka dalam persekitaran yang selamat.
- Melaksanakan hak asasi manusia Orang Asli/Asal, termasuk hak mereka untuk tanah, perlindungan warisan budaya mereka, dan persekitaran yang sihat.
- Bekerjasama dengan komuniti Orang Asli/Asal untuk membangunkan, dengan persetujuan bebas serta makluman awal, kempen kesedaran awam tentang kerja pembela hak Orang Asli/Asal dan melaksanakannya di seluruh negara.
- Menghantar jempunan kepada Pelapor Khas PBB mengenai situasi pembela hak asasi manusia untuk melakukan lawatan fakta ke Malaysia. Membuat perundingan dengan Orang Asli/Asal untuk menentukan modaliti untuk lawatan Pelapor Khas PBB ke atas hak-hak Orang Asli/Asal pada tahun 2019, termasuk memberi akses percuma dan tanpa had kepada semua negara, dan kebebasan untuk bertemu dengan pelbagai pihak berkepentingan.
- Ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Hak-Hak Sivil dan Politik, Konvensyen Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya, Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Semua Bentuk Diskriminasi Kaum, dan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa 169 mengenai Orang Asli/Asal dan Kepuakan.
- Memberi latihan berterusan dan semasa kepada pegawai-pegawai awam, khususnya kepada mereka yang bertanggungjawab untuk hak tanah Orang Asli/Bumiputera, seperti Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pembangunan Orang Asli mengenai rangka kerja antarabangsa mengenai hak-hak pembela hak asasi manusia dan komuniti Orang Asli/Asal.
- Memastikan pihak polis bertindak dan menyiasat aduan yang ditimbulkan oleh anggota komuniti Orang Asli/Asal mengenai pencerobohan tanah, keganasan dan layanan buruk lain oleh individu yang berkaitan dengan pertikaian tanah adat Bumiputera, dan jika terdapat bukti tanggungjawab jenayah yang mencukupi, membawa mereka yang bertanggungjawab ke muka pengadilan dalam perbicaraan yang adil tanpa dikenakan hukuman mati.
- Memastikan pembela hak asasi manusia dan pihak lain yang menghadapi tuduhan jenayah boleh mendapat akses kepada peguam pilihan mereka dari awal penahanan. Sekiranya seseorang tidak mampu membayar untuk peguam pilihan mereka, kerajaan harus memberi nasihat yang berkesan dan peguam berkecualan secara percuma.
- Memastikan orang-orang Orang Asli/Asal boleh menentukan dan mengatur kerajaan sendiri secara bebas; di mana kedudukan tertentu diperlukan untuk berinteraksi dengan pihak berkuasa negeri, serantau atau kebangsaan, memastikan Orang Asli/Asal dapat memilih orang-orang untuk menyandang jawatan tersebut dengan bebas.
- Memastikan Orang Asli/Asal dan pemimpin mereka tidak mengalami sebarang tindakan balas terhadap aktiviti sah untuk mempertahankan hak komuniti mereka.

Untuk menangani perubahan jangka panjang, dan perubahan sistemik yang diperlukan untuk melindungi pembela yang bekerja untuk mempertahankan tanah Orang Asli/Asal, dan untuk mengakhiri kitaran penyalahgunaan terhadap komuniti Orang Asli/Asal, adalah disarankan penubuhan segera, Suruhanjaya Kebangsaan Bebas mengenai Hak Tanah Orang Asli/Bumiputera, dengan memastikan ia mempunyai mandat untuk:

- Mengkaji semula kes serangan, ancaman dan serangan terhadap pembela hak asasi manusia yang bekerja untuk mempertahankan hak tanah Orang Asli/Bumiputera. Mewujudkan sebuah

pangkalan data yang mengandungi maklumat mengenai serangan, ancaman dan serangan terhadap pembela hak asasi manusia. Mengendalikan analisis berterusan ke atas pola serangan terhadap pembela untuk membolehkan langkah-langkah sesuai diambil untuk mengurangkan risiko, dan jika sesuai, berkongsi maklumat yang dikumpulkan dengan polis dan/atau pendakwa.

- Merumuskan dan mengemukakan cadangan kepada pihak berkuasa berkaitan yang disasarkan untuk menamatkan serangan, ancaman dan serangan terhadap pembela hak asasi manusia, dan mengakhiri pelanggaran hak tanah Orang Asli/Bumiputera.
- Menjalankan penyiasatan ke atas laporan pelanggaran hak tanah Orang Asli/Bumiputera tepat pada masanya, bebas, dan tidak berat sebelah, dan merujuk bukti tingkah laku jenayah tersebut kepada pendakwa.
- Di mana Orang Asli/Asal memperlihatkan pendudukan dan penggunaan tanah adat, menyatakan sempadan atau pembahagian kawasan dan memberi hak kepada tanah adat Bumiputera.

Untuk memastikan Suruhanjaya beroperasi secara bebas, berkesan dan telus, Kerajaan Malaysia hendaklah:

- Mengadakan perundingan dengan Orang Asli/Asal, dan mengembangkan dengan persetujuan bebas serta maklumat awal, terma rujukan, prosedur operasi, dan modaliti dari segi pelantikan anggota suruhanjaya, dan menyiarkannya, bersama-sama dengan laporan aktiviti yang tetap.
- Memastikan Suruhanjaya mempunyai sumber yang baik, menerima sokongan dan kerjasama yang sesuai dari pejabat-pejabat kerajaan, dan diberi akses dan kuasa untuk mempersoalkan pejabat-pejabat kerajaan yang relevan dan memulakan penyelidikan sivil dan jenayah di mana sesuai.
- Memastikan anggota Suruhanjaya dipilih mengikut kriteria objektif dan relevan, termasuk kebebasan dan kepakaran mereka dalam isu-isu hak asasi manusia, dan memastikan gender dan perwakilan etnik yang mencukupi secara menyeluruh, serta kepakaran untuk hak orang-orang Asli/Asal, hak-hak pembela hak asasi manusia, dan isu gender.
- Jaminan bahawa Suruhanjaya berfungsi secara bebas daripada pemerintah, dan memastikan bahawa ia bebas daripada tindakan balas kerana menyuarakan pendapatnya dengan bebas.

9.2 UNTUK SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA (SUHAKAM)

- Mengenal pasti amalan terbaik untuk penglibatan antara pegawai negeri dan pembela hak tanah penduduk Orang Asli/Asal.
- Mengesyorkan, jika sesuai, untuk meneruskan siasatan jenayah yang timbul daripada laporan serangan terhadap pembela hak asasi manusia, dan memantau kemajuan perkembangan penyiasatan tersebut.
- Menyertakan cadangan strategi untuk perlindungan dan pengiktirafan para pembela yang bekerja untuk mempertahankan hak yang berkaitan dengan tanah, wilayah dan persekitaran sebagai kerja Suruhanjaya, dan dalam perbincangan antara rangkaian institusi hak asasi manusia.

9.3 UNTUK SYARIKAT-SYARIKAT YANG BEROPERASI DI MALAYSIA

- Memastikan ketekunan wajar, seperti yang dinyatakan dalam Prinsip Panduan PBB mengenai Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, agar hak asasi individu dan komuniti dihormati dalam konteks kegiatan dan projek yang berkaitan dengan eksploitasi sumber daya alam.
- Bekerjasama dengan pihak berkuasa negeri dalam penyiasatan serangan terhadap pembela

hak asasi manusia disebabkan kerja mereka adalah dalam konteks projek yang mengeksploitasi sumber semula jadi.

9.4 UNTUK PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU DAN KERAJAAN-KERAJAAN YANG TERLIBAT DALAM KERJASAMA DUA HALA DENGAN KERAJAAN MALAYSIA

- Menyeru pihak berkuasa Malaysia untuk mengiktiraf, di peringkat umum dan di peringkat tertinggi kedua-dua pihak berkuasa tempatan dan nasional, kerja sah pembela hak asasi manusia yang menangani isu-isu yang berkaitan dengan tanah Orang Asli/Asal dan memastikan mereka menerima perlindungan dalam menjalankan kerja mereka.
- Menggalakkan kerajaan untuk menubuhkan Suruhanjaya Kebangsaan Bebas untuk Orang Asli/Asal, sejajar dengan modaliti yang diterangkan di atas.
- Memberi pertimbangan positif kepada permintaan oleh pihak berkuasa Malaysia untuk sokongan dan bantuan teknikal dalam usaha ini.

**AMNESTY INTERNATIONAL
ADALAH SEBUAH GERAKAN
GLOBAL UNTUK HAK ASASI
MANUSIA.
APABILA BERLAKUNYA
KETIDAKADILAN TERHADAP
SESEORANG INDIVIDU,
IMPAKNYA KEPADA SEMUA.**

HUBUNGI KAMI



info@amnesty.org



+44 (0)20 7413 5500

IKUTI PERBUALAN



www.facebook.com/AmnestyGlobal



@Amnesty

“HUTAN INI NYAWA KAMI”

PERJUANGAN MEMBELA HAK TANAH PENDUDUK ORANG ASLI/BUMIPUTERA DI MALAYSIA

Pembela tanah penduduk Orang Asli/Asal di Malaysia menjadi sasaran, dipinggirkan dan menghadapi tentangan daripada pihak berkuasa negeri dan individu swasta apabila mereka bersuara. Pencabulan-pencabulan ini telah merampas hak komuniti Orang Asli/Asal di Malaysia, meminggirkan mereka secara sosial dan merugikan mereka secara ekonomi. Laporan ini mengkaji perjuangan yang ditempuhi pembela-pembela hak asasi manusia Orang Asli/Asal dalam usaha mereka untuk menuntut hak tanah Orang Asli/Bumiputera mereka, dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak kerajaan untuk memastikan mereka diberi perlindungan yang sepatutnya mereka terima.